Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Kementerian yang berkenaan ia-itu dalam masaalah memberi perbelanjaan menghantar rombongan ka-Filipina dan ka-Indonesia, berapa banyak-kah wang daripada Kementerian itu telah membelanjakan dalam masaalah itu, yang pertama. Yang kedua Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan telah menyatakan tadi ia-itu sambutan daripada pehak kesenian dan kebudayaan dari pehak bangsa lain tidak mendapat sambutan. Apa tindakan yang patut di-buat oleh Kementerian ini supaya ia-itu kebudayaan nasional kita dapat di-satukan atau dapat di-chetuskan dalam Malaysia ini.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Soalan yang pertama, belanja untuk menghantar rombongan ka-Indonesia bagi mengambil bahagian dalam Festa Ramayana, belanja-nya meliputi perbelanjaan latehan, pakaian, tambang pergi balek ia-lah \$15,000 dan ka-Filipina sa-banyak \$8,000.

Tentang soalan yang kedua itu, ini terpuang kapada pehak² yang berkenaan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan telah mengadakan segala ikhtiar dan jalan untuk menggalakkan kaum² lain supaya menyertai di-dalam kongres, seminar² sa-macham itu. Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat barangkali ma'alum sa-lama tiga bulan ini kita telah menghantar badan² kebudayaan ka-beberapa tempat, bagi permulaan ini di-Kuala Lumpur ia-itu di-Jinjang, Sentul Pasar, Jalan Pekeliling kerana hendak menunjukkan kebudayaan² kita. Dengan tujuan terutama supaya mengenalkan kebudayaan kita kepada semua penduduk berbagai kaum supaya kalau boleh mereka berminat dan suka kapada kebudayaan² nasional kita.

ANGKATAN TENTERA—KEANGGOTAAN MAJLIS

16. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (di-bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada benar Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan bukan-nya salah sa-orang daripada anggota² Majlis Angkatan Tentera, dan jika ya, tidakkah ini menjatuhkan taraf beliau jika dibandingkan kedudukan beliau dengan pegawai² tinggi yang lain di-dalam Majlis itu.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, keanggotaan Majlis Angkatan Tentera ada-lah di-peruntukkan di-dalam Perkara 137 Perlembagaan. Timbalan Menteri Pertahanan tidak menjadi sa-orang ahli Majlis itu tetapi pada masa ketiadaan Menteri Pertahanan, beliau akan bertindak sa-bagai Pengerusi, apabila di-lantek memangku jawatan Menteri Pertahanan. Sama ada beliau di-lantek menjadi ahli Majlis atau tidak, ini tidak-lah memberi apa jua kesan pun terhadap taraf beliau sa-bagai Timbalan Menteri dan juga sa-bagai sa-orang Ahli Parlimen yang di-pilih oleh ra'ayat.

PERKAHWINAN DAN PERCHERAHAN—SUROHANJAYA DI-RAJA

17. **Dr Tan Chee Khoo** minta Peguam Negara menyatakan sama ada beliau sedar tentang keputusan yang di-buat oleh Hakim Haji Mohamed Azmi bahawa sa-saorang lelaki China itu boleh mencheraikan isterinya yang pertama yang telah di-kahwini-nya menurut adat resam China atas alasan²

saperti "suka bercheloteh", "chemburu", "mandol" dan lain² lagi dengan memberi tahu segala kelemahan² si-isteri itu kepada saudara-mara dan sahabat² dan juga dengan menyebutkan di-khalayak ramai tentang percheriaan dan jika sedar, sama ada pehak yang berkenaan akan mengadakan undang² untuk mengelakkan amalan saperti itu.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sedar dengan sa-penoh-nya tentang keadaan hal ehwal yang tidak memuaskan hati itu berhubung dengan perkahwinan dan percheriaan mengikut adat bagi orang² yang bukan Islam. Pengkajian mengenai masa'alah² berkenaan dengan perkahwinan dan percheriaan sedemikian ia-lah suatu tugas yang besar oleh sebab negeri ini mengandongi berbagai kaum dan ugama sa-lain daripada kaum ugama Islam dan oleh sebab itu, atas shor Kerajaan, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah melantek suatu Surohanjaya di-Raja yang di-ketua² oleh Hakim Besar Tan Sri H. T. Ong untuk menjalankan tugas itu lama sa-belum kes yang di-soal itu berlaku. Surohanjaya di-Raja itu telah selesai menjalankan pengkajian-nya baharu² ini dan telah mengemukakan laporan-nya bersama² dengan suatu undang² atau Rang Undang² yang di-chadangkan untuk menguruskan hal perkahwinan dan percheriaan mengenai orang² bukan Islam di-negeri ini. Undang² yang di-chadangkan itu akan membawa kepada keadaan hal ehwal yang lebih memuaskan hati mengenai perkahwinan dan percheriaan berkenaan dengan orang² bukan Islam di-negeri ini. Kerajaan ada-lah juga sedar dengan sa-penoh-nya bahawa undang² yang di-chadangkan itu akan mendatangkan kesan dan reperkasi (repercussion) dalam penghidupan dan adat² berbagai kaum di-negeri ini dan memandang kepada ini, ada-lah di-rasa² bahawa sa-belum undang² yang di-chadangkan itu di-terima, ia-nya hendak-lah di-siarkan untuk mendapatkan buah fikiran daripada orang ramai dan orang awam juga. Penyiaran Laporan undang² yang di-chadangkan itu telah pun siap di-chetak baharu² ini untuk di-jual kepada orang awam. Yang Berhormat mungkin hendak membuat ulasan² nya kepada Kerajaan sa-lepas mengkaji undang² yang di-chadangkan itu dan Report the Royal Commission of non-muslim marriages baharu di-terbitkan dengan harga \$5.

Dr Tan Chee Khoon: (*Dengan izin*) Sir, will the Honourable Attorney-General tell us what steps has he taken to see that this Report of the Royal Commission and this Bill that he seeks to bring to this House will be given the widest publicity possible, so that all those who are interested, especially the women's organisations and civic organisations, can get copies of both the Report of the Royal Commission and the Bill so that they can have time to study them and give their views to the Prime Minister's Department as suggested?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sa-betul-nya undang² ini memang asal-nya datang tiga tahun dahulu desakan daripada pehak kaum ibu. Berkenaan dengan publicity mengenai Report ini pada perasaan saya apa yang saya telah ucap dan jawabkan dalam Dewan ini, saya perchaya akhbar² di-belakang sana akan menyiarkan hari esok, terang sahaja publicity sudah tahu, harga-nya \$5 dan dapat di-beli daripada Jabatan Chetak Kerajaan dan kedai² yang biasa menjual buku dan undang² Kerajaan. Dan kalau tidak dapat juga, kalau tidak ada duit \$5 boleh memohon menghantar surat kepada jabatan saya, dengan syarat saya perchaya kalau orang itu tidak ada duit.

Dr Tan Chee Khoon: Boleh-kah Menteri yang berkenaan berhubung dengan sahabat-nya Menteri Penerangan supaya apa yang di-nyatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh di-siarkan dalam radio dan talivishen.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya perchaya malam ini pun perkara ini akan keluar, tidak payah lagi berhubung.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Boleh-kah Menteri yang berkenaan beritahu kepada Dewan ini Rang Undang² ini boleh di-bahathkan dalam Dewan ini pada meshuarat-nya dalam bulan Ogos tahun ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menimbangkan. Sa-kira-nya daripada hari ini hingga sa-belum Ogos, kita berpuas hati mendapat tegoran² dan penerangan² daripada orang ramai, boleh kita bawa. Kalau di-fikirkan ada-lah berfaedah di-beri masa lebih panjang lagi, saya fikir, Kerajaan boleh jadi tidak bawa pada meshuarat itu, tetapi meshuarat

Parlimen yang akan datang, sebab kita hendak minta pendapat daripada sakalian masyarakat yang bukan Islam supaya mereka itu sangat puas hati dalam perkara ini. Ini perkara yang besar. Ada setengah adat polygamy dan akan di-hapuskan dan yang ada tidak. Perkara ini perkara besar dan jangan-lah kita terburu², beri-lah peluang lebeh kepada orang awam, kemudian baharu-lah kita bawa kepada Dewan ini.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong Menteri yang berkenaan apabila beliau hendak memberikan peluang kepada orang ramai untuk mengkaji Rang Undang² tersebut. Oleh yang demikian, kalau sa-kira-nya Rang Undang² ini tidak boleh di-bahathkan pada bulan Ogos, boleh-kah Rang Undang² tersebut di-bahathkan pada hujung tahun ini ia-itu dalam Budget Session yang akan datang?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya memang hendak lekaskan, Tuan Yang di-Pertua.

CHUKAI HARTA PESAKA— MENIMBANGKAN

18. Dr Tan Chee Khoo bertanya kepada Menteri Kewangan sama ada beliau akan menimbang mengembalikan sa-mula chukai harta pesaka ka-kadar yang lama dan jika tidak, nyatakan sebab² tidak menaikkan chukai harta pesaka ini.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) I take it that the Honourable Member is referring to the 50% abatement for spouses and close relatives introduced in the 1970 Budget, because there have been no changes in the rate structure of estate duty during the last 7 years. If so, I hope that the Honourable Member will in future try to understand his subject adequately before asking a question.

As explained in the 1970 Budget address by the then Minister of Finance, who is now the Prime Minister, there are two main reasons for the Government's move. In the first place, it was designed to avoid a situation in which those inheriting small and medium sized estates would be forced to sell the bulk or an unduly large proportion of their inheritance in order to pay estate duty. Secondly, such an abatement should remove any incentive for those with property to bequeath to divest themselves of their assets during their lifetime in order to reduce the amount of

estate duty payable. This, in fact, is a fairly common practice and has the effect of reducing the total yield from estate duty which would otherwise be obtained. At the moment, we see no reason for reversing the policy embarked upon.

What we did in 1970 is not something unique or revolutionary. In fact, the most advanced countries in Western Europe have been doing for a long time what we did only recently. For example, in Germany, spouses, children and grandchildren, hereinafter referred to as "close relatives", pay between 2% and 4% as a minimum, and a maximum of between 15% to 25%, depending on the amount bequeathed. The others, i.e. other relatives and strangers, pay a minimum of from 6% to 14% and a maximum of from 40% to 60%. In Belgium, close relatives pay a minimum of between 6% and 17½% and a maximum of from 28% to 66%. The others pay a minimum of from 11% to 17½% and a maximum of from 58% to 66%. In the Netherlands, close relatives pay a minimum of from 5.2% to 8.5% and a maximum of from 13.4% to 18.4%. The others pay a minimum of from 14.4% to 40.4% and a maximum of from 24.4% to 50.4%. In Italy, where there is a similar differential in tax rates, there is a minimum rate of from 1% to 2% and a maximum rate of from 35% to 40% for close relatives, and a minimum of from 1% to 15% and a maximum of from 35% to 80% for others, though the estate tax rate of from 1% to 35% is abated by 50% when the beneficiaries are the children, spouse or parents of the deceased person. Even in Britain, which probably has some of the most penal estate duty rates in the whole world, agricultural properties attract only 55% of the rate for other assets. The rates mentioned earlier were prevailing at the time when we introduced the abatement ourselves and we have no information that there has been any change in these rates since then.

It will, therefore, be seen, Sir, that even in the highly industrialised countries of the Western world where estate duty rates are quite high and comparable to those of ours, a difference is made between the rates borne by spouses and close relatives such as children and grandchildren, and those borne by other relatives like parents, grandparents, brothers and sisters, nephews and nieces and

strangers. Indeed, the differential between the two categories in most of these countries is even larger than the differential fixed by us.

Dr Tan Chee Khoon: (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, the Honourable Minister of Finance has quoted a very impressive set of figures to justify the abatement of our estate duty, made I think in the 1970 Budget. Is he aware that we are not an industrialised nation? We are a developing nation. What is worse, we have a great imbalance between the haves and the have-nots and therefore an increase in our estate duty would be one of the best methods that the Minister of Finance has of redressing this imbalance between the haves and the have-nots.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Member, though I credit him with good intentions, has an unhappy knack of looking at everything from his own point of view (*Tepok*).

Dr Tan Chee Khoon: Can I explain?

Tun Tan Siew Sin: Let me have a chance to finish—he can explain later.

He seems unable to look at things in their proper and broader perspective. If he had taken the trouble to study estate duty rates and indeed the tax rates of every country in the world, both the developed and developing, he would find, perhaps to his tremendous surprise, that tax rates on the whole are far higher in the industrial countries than they are in the developing countries. So if we follow the existing norm—I don't know what norm the Honourable Member has in mind, certainly not that of any country on this earth, I don't know whether it is of heaven or hell or some other planet—but if he follows the norm which prevails over the greater part of our planet, both developing and developed, he will therefore find that tax rates in the developing world normally are very much lower than those in the industrial world. Unfortunately, if I may say so, Sir, the Honourable Member, in accordance with his unique and perhaps queer philosophy believes in bringing everybody down whereas we in the Alliance believe in bringing everybody up (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Masa tidak mengizinkan.

(Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 19 hingga 59 ada-lah di-beri di-bawah ini).

HOSPITAL² DAERAH DI-SARAWAK—PEMBENAAN

19. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan hospital² daerah yang akan di-dirikan di-Sarawak; dan
- (b) di-mana dan bila-kah hospital² ini akan di-bena.

Tuan Lee Siok Yew:

- (a) Di-Sarawak kita sudah ada 6 buah Hospital Daerah di-Lundu, Mukah, Sarikei, Bintulu dan Marudi dan Lawas dan satu buah lagi Hospital Daerah yang baharu akan di-bena.
- (b) Yang baharu ini akan di-bena di-Serian dalam tahun ini dengan anggaran perbelanjaan-nya sa-banyak \$875,000. Tanah tapak-nya sudah ada.

CHUKAI BARANG²

20. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada chukai ka-atas barang² dari Malaysia Barat ka-Malaysia Timor dan sa-balek-nya boleh di-mansokhkan supaya dapat mengurangkan kenaikan harga barang², terutama sa-kali di-Sarawak.

Tun Tan Siew Sin: Sa-belum saya menjawab soalan yang di-tanya oleh Ahli Yang Berhormat, biar-lah saya terangkan sa-kali lagi, sa-bagaimana yang saya terangkan beberapa kali dalam Dewan ini pada masa dahulu, akan kedudukan perjalanan barang² berasal dari Malaysia yang di-bawa dari Malaysia Barat ka-Malaysia Timor dan sa-balek-nya.

Pada masa sekarang, ada tiga tarif Kastam yang berasingan bagi Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak. Bagi barang² yang di-keluar-kan di-Malaysia sama ada di-kilang atau di-tanam, jika tidak tertaalok kepada chukai² eksais, maka barang² itu ada-lah bebas untuk di-bawa dari Malaysia Barat ka-Malaysia Timor dan sa-balek-nya. Bagi tujuan ini ada beberapa syarat yang mesti di-patohi dan

satu daripada-nya ia-lah barang² tersebut mesti-lah mengandungi sekurang²-nya 10% bahan² Malaysia.

Bagi barang² berchukai eksais, peratoran sekarang ia-lah barang² itu di-kechualikan daripada chukai eksais di-kawasan kastam dalam mana barang itu di-keluarkan tetapi tertaalok kapada chukai di-kawasan kastam yang lain. Oleh itu, apabila barang² berchukai eksais di-bawa masuk ka-Malaysia Timor dari Malaysia Barat, barang² itu ada-lah di-kechualikan daripada chukai eksais di-Malaysia Barat tetapi tertaalok kapada chukai di-Malaysia Timor. Peratoran yang kedua ia-lah paras chukai yang di-kenakan atas barang² berchukai eksais tersebut di-Malaysia Timor hendak-lah tidak melebehi paras chukai eksais di-Malaysia Barat. Bagi sa-tengah² barang seperti gula, chukai yang di-kenakan itu ada-lah lebeh rendah daripada chukai eksais di-Malaysia Barat.

Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat boleh saksikan dengan jelas, peratoran kastam sekarang tidak akan membawa kapada inflasi harga, jika ada, di-Malaysia Timor dan oleh itu tidak ada kes untuk menimbangkan pemansokhan tarif di-Malaysia Timor yang di-kenakan atas barang² keluaran Malaysia Barat.

TANAMAN² PERTANIAN— MENGALAKKAN

21. Tuan Luhut Wan minta Menteri Pertanian dan Perikanan bila-kah beliau akan memulakan suatu kajian di-Sarawak mengenai kemungkinan sesuai-nya tanah dan kawasan² bagi tanaman² pertanian seperti:

- (a) Kopi;
- (b) Teh;
- (c) Koko; dan
- (d) Ubi kayu

bagi mengada dan menggalakkan pelbagai tanaman bagi peladang² untuk menambah pendapatan² mereka dan mengurangkan penggantungan mereka ka-atas getah.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Kajian telah di-mulakan di-Sarawak untuk menentukan kawasan² yang mungkin sesuai untuk tanaman² seperti kopi, teh, koko atau ubi kayu. Di-mana² kawasan sesuai telah di-tentukan, petani² ada-lah di-galakkan menanam tanaman² itu sa-bagai

perchubaaan untuk mempelbagaikan tanaman mereka. Perkara² pemasaran dan memproses juga di-beri pertimbangan dengan teliti-nya sa-belum tanaman sa-chara besar²-an di-galakkan. Suka-lah saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa sekarang ini ada dua kawasan yang telah di-pileh untuk tanaman ubi kayu, satu di-tepi jalan lama Kuching Penrissen di-Bahagian Pertama dan satu lagi di-Bukit Batu dan Skrang di-Bahagian Kedua. Kedua²-nya ada-lah ranchangan perchubaaan dan apabila hasil-nya di-dapati memuaskan maka kawasan² yang lain akan di-pertimbangkan kelak. Pemasaran akan di-jalankan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sarawak.

LAPORAN KECHICHIRAN MURID²

22. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pelajaran menyatakan bila-kah laporan berkenaan dengan kechichiran murid² akan di-keluarkan.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Laporan awal di-jangka siap pada bulan hadapan.

PERATUS KELULUSAN SPM/MCE—SRP/LCE

23. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pelajaran menyataka sama ada Kerajaan sedar atas perbedzaan yang nyata dalam peratus kelulusan pepereksaan² SPM/MCE dan SRP/LCE di-antara sekolah² berasrama penoh dengan sekolah² menengah di-luar bandar dan di-bandar² kechil; jika ya, apa-kah langkah² yang Kerajaan telah ambil untuk memperbetulkan kedudukan ini.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Ya. Tetapi hendak-lah di-ingat bahawa murid² di-Sekolah² Berasrama Penoh ada-lah dari kalangan yang terbaik, yang di-pileh daripada sekolah² di-luar bandar. Oleh itu, perbedzaan peratus ini memang-lah dapat di-jangkakan. Dalam pada itu, ada-lah menjadi dasar Kerajaan untuk mempersaimbangkan kemudahan² yang terdapat di-sekolah² di-luar bandar dengan kemudahan² yang terdapat di-sekolah² di-dalam bandar.

Dalam hubungan ini, sa-bahagian besar daripada wang peruntukan pembangunan Kementerian ini bagi tahun 1972 berjumlah \$42 juta, ada-lah di-khaskan bagi tujuan membena dan membaiki bangunan² sekolah serta menambah kemudahan² lain yang perlu. Ahli Yang Berhormat itu tentu sedia ma' alum

bahawa Kementerian sedang membena sapuluh buah lagi Sekolah Berasrama Penoh. Di-samping langkah² ini, Kementerian juga akan chuba menempatkan guru² yang berke-layaan di-sekolah² luar bandar.

LATEHAN BERSAMA ANGKATAN² TENTERA NEGARA² ASEAN

24. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Pertahanan menyatakan bilakah latehan bersama Angkatan² Tentera Negara² ASEAN akan di-adakan dan kekuatan tentera² yang di-wakili oleh tiap² negeri.

Tuan Haji Abdul Razak: Saperti Ahli Yang Berhormat itu sedia ma'alum, ASEAN bukan-lah satu Pakatan Tentera dan oleh itu soal bila akan di-adakan latehan bersama Angkatan² Tentera negara² ASEAN tidak-lah timbul sama sa-kali.

PERMIT MENDULANG— MENGELUARKAN

25. **Tuan Lee Seck Fun** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bilangan permit dulang yang di-keluarkan pada 31hb Disember, 1971, mengikut tiap² negeri di-Malaysia Barat dan ada-kah beliau akan menimbang mengeluarkan lebeh banyak lagi permit dulang kepada negeri² yang patut di-tambah supaya penduduk² di-kampung² dan kampung² baharu dalam negeri² itu boleh menambahkan pendapatan mereka.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Jumlah bilangan Pas Melanda atau mendulang yang telah di-keluarkan pada 31hb Disember, 1971, mengikut negeri² di-Malaysia Barat ada-lah saperti berikut:

Negeri	Jumlah Pas pada 31-12-1971
Kedah	647
Perak	14,894
Selangor	4,372
Negri Sembilan	571
Melaka	6
Johor	80
Pahang	107
Perlis	—
Trengganu	—
Kelantan	—
Jumlah ...	20,677

Kerajaan sedia menimbangkan penge-luaran tambahan Pas Mendulang kepada pemohon² dengan bersyarat:

- Jika di-dapati ada chukop tanah Kerajaan di-kawasan tempat tinggal pemohon² supaya boleh mereka mendulang;
- Bilangan Dulang Pas yang telah di-keluarkan untok kawasan tersebut tidak menchukopi dan boleh di-tambah lagi;
- Tidak ada kerosakan akan berlaku kapada sungai dan taliayer jika pekerjaan mendulang di-jalankan di-kawasan tersebut.

Jumlah Pas² tambahan yang telah di-keluarkan sa-hingga 30hb April, 1972, ia-lah sa-banyak 1,754—1,728 di-Negeri Perak dan 26 di-Negeri Pahang.

TEKSI² HARAM DI-KUALA LUMPUR—ADUAN

26. **Dr Haji Sulaiman bin Mohd. Attas** minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa pada masa ini banyak teksi² haram terutama sa-kali di-Bandaraya Kuala Lumpur ini, mengambil penumpang² jarak jauh ia-itu dari Kuala Lumpur ka-Singapura dan sunggoh pun telah banyak aduan yang di-buat pehak Kementerian membisu sahaja. Jika sedar, apa langkah² yang Kementerian berchadang hendak ambil.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Adalah tidak benar Kementerian Perhubungan membisu sahaja terhadap aduan mengenai teksi haram yang menjalankan perkhidmatan jarak jauh di-antara Kuala Lumpur dan Singapura serta lain² tempat. Hanya ada-lah terlalu sukar untok mendapat pengesanan apabila di-bicharakan di-Mahkamah bahawa sa-sabua kereta itu telah di-gunakan untok perusahaan teksi haram jika penumpang² kereta itu tidak mengaku bahawa mereka ada membayar tambang kapada pemandu kereta tersebut. Walau bagaimana pun Kementerian ini dengan kerjasama daripada Polis di-Raja Malaysia dan Jabatan Penerangan telah mengadakan cheramah dan tayangan gambar di-tempat yang di-lawatinya mengenai teksi haram dan lain² perkara yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya. Orang ramai bukan sahaja di-Kuala

Lumpur bahkan di-seluruh Negara telah diberitahu dan di-nasehatkan tentang betapa merbahaya-nya menaikki teksi haram. Jika sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat ada keterangan² dan bukti² yang chukup mengenai sa-suatu kereta itu telah di-gunakan sa-bagai teksi haram, maka sila-lah berhubung terus dengan saya supaya boleh saya mengambil tindakan yang sewajar-nya.

Menurut laporan daripada Polis di-Raja Malaysia dalam tahun 1971 ada lebeh kurang sa-banyak 30 hingga 40 buah teksi haram yang menjalankan perkhidmatan di-antara Kuala Lumpur dan Singapura. Daripada bilangan tersebut sa-buah daripada kereta itu telah di-tangkap dan akan di-da'awa di-Mahkamah kerana menjalankan perusahaan teksi haram. Di-antara bulan Februari dan Julai, 1971, Pendaftar dan Pemeriksa Kanan Kereta² Motor, Johor Bahru telah membatalkan sa-banyak 45 Pas² Antara Bangsa bagi kereta² Singapura ka-Malaysia kerana kereta² tersebut telah di-gunakan sa-bagai teksi haram. Maka ini menunjukkan Kementerian Perhubungan dan pehak Polis ada mengambil tindakan yang bersungguh².

BAS MEMBAWA PENUMPANG LEBEH

27. Dr Haji Sulaiman bin Mohd. Attas minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada Kementerian ini sedar akan ada-nya berlaku sharikat² Bas membawa penumpang lebeh dari yang di-hadkan oleh Kementerian dan kejadian ini berlaku di-mana² sahaja dalam Malaysia Barat ini. Jika sedar, nyatakan sama ada penyiasatan akan di-jalankan terhadap hal ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kementerian ini sedar tentang ada-nya bas² yang membawa penumpang lebeh daripada had yang di-benarkan terutama pada hari² keramaian dan kebesaran. Walau bagaimana pun jika ada aduan di-terima maka pegawai² Jabatan Pengangkutan Jalan dan pehak Polis akan mengadakan pemeriksaan dan jika aduan itu benar maka tindakan akan di-ambil terhadap bas² tersebut. Pegawai² Jabatan Pengangkutan Jalan dan pehak Polis juga ada-lah sentiasa menjalankan pemeriksaan untuk memastikan bas² tidak membawa penumpang² lebeh daripada yang di-benarkan.

LORI² BALAK MELEBEHI MUATAN

28. Dr Haji Sulaiman bin Mohd. Attas minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada (a) beliau sedar akan lori² membawa balak melebih dari had muatan-nya dan jika sedar sama ada penangkapan telah di-lakukan. (b) Nyatakan sama ada Kementerian ini akan mengadakan suatu undang² yang lebeh ketat lagi supaya perkara saperti ini tidak berlaku lagi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

- (a) Kementerian sedar tentang ada-nya lori balak yang membawa muatan berlebehan;
- (b) Satu undang² untuk mengukur berat kayu balak dengan menggunakan formula 40 kaki padu bersamaan satu tan telah pun di-luluskan dalam persidangan Parlimen yang lalu. Dengan ada-nya formula ini maka Pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis lebeh mudah memeriksa berat kayu balak yang di-bawa oleh lori² tersebut. Chara² untuk menyekat lori balak daripada membawa muatan yang berlebehan ini akan di-kaji dari masa ka-samasa.

STANDARD MARK BARANG² MALAYSIA—SIM

29. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa banyak lesen yang telah di-keluarkan oleh SIM sa-takat ini bagi menggunakan "Standard Mark" pada barang² buatan di-Malaysia.

Dato' Ong Kee Hui: Tidak ada lesen yang di-keluarkan sa-takat ini bagi menggunakan Tanda Pengesahan SIM pada barang² buatan Malaysia. Beberapa pengeluar² telah memohon lesen untuk menggunakan Tanda tersebut bagi barang² pengeluaran mereka tetapi dukachita sa-tengah daripada barang² pengeluaran mereka itu tidak memenuhi keperluan² Piawaian² Malaysia yang berkenaan. Walau bagaimana pun Pusat Piawaian Malaysia pada masa ini sedang memberi perkhidmatan rundingan dan nasehat kepada pengeluar² mengenai chara² membaiki barang² pengeluaran mereka supaya dapat memenuhi keperluan² Piawaian² yang tertentu. Kapada pengeluar² yang mana barang² pengeluaran mereka akan

memenohi Piawaian Malaysia, perbinchangan maseh di-jalankan bagi menggunakan Tanda di-bawah sekim penyeliaan dan kawalan Tanda Pengesahan.

SEWERAGE SYSTEM DI-KELANG— MENGADAKAN

30. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bila-kah Kementerian-nya berchadang hendak mengadakan "Sewerage System" dalam bandar Kelang dan Port Kelang memandangkan perkembangan bandar² itu.

Dato' Ong Kee Hui: Perkara mengadakan "Sewerage System" dalam bandar Kelang dan Pelabohan Kelang itu ada-lah tanggung-jawab Kerajaan Negeri Selangor dan bukan-nya-lah tanggung-jawab Kementerian saya, dan sa-patut-nya soalan tuan itu di-timbulkkan dalam Dewan Meshuarat Kerajaan Negeri Selangor. Walau bagaimana pun mengikut ma'alumat yang di-perolehi oleh Kementerian saya daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor kedudukan perkara ini ada-lah saperti berikut:

Satu Jawatan-kuasa di-perengkat Kerajaan Negeri Selangor sedang mengkaji kemungkinan mengadakan satu chara pembuangan najis menggunakan kolam najis "oxidation ponds" untuk kawasan Kelang—Pelabohan Kelang ini. Kertas kajian ini apakala telah di-sediakan kelak akan di-bentangkan bersama² dengan laporan daripada Kerajaan Kanada mengenai Projek Saloran Najis bagi Kelang—Port Swettenham untuk per-timbangan Kerajaan Negeri.

BUILDING BYE-LAWS— MENYAMAKAN

31. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bila-kah Kementerian-nya dapat menyamakan "Building Bye-Laws" yang di-dapati pada masa ini berlainan antara satu Majlis Bandaran dengan lain² Majlis Bandaran dan Lembaga Bandaran.

Dato' Ong Kee Hui: Perkara ini sedang di-beri perhatian utama oleh Kementerian saya. Langkah sedang di-ambil untuk mengadkan "Building Bye-Laws" yang sama bagi semua penguasa² tempatan di-Malaysia

Barat, tetapi oleh kerana perkara ini banyak implikasi-nya maka ia akan mengambil masa sa-belum dapat di-siapkan.

CRASH HELMET—MEWAJIBKAN PENUNGGANG

32. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada Kerajaan berchadang hendak mengadakan suatu undang² untuk mewajibkan semua penunggang² motosikal dan sekuter dan orang² yang menumpang-nya supaya memakai "crash helmet" jika ya, nyatakan bila masa-nya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ya. Rang undang² ini ada-lah di-kemukakan dalam meshuarat Parlimen sekarang ini.

LEVEL-CROSSING KERETAPI— LANGKAH²

33. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) jumlah "level crossing" keretapi di-negara ini.
- (b) jumlah "level-crossing" yang tidak mempunyai pintu.
- (c) apa-kah langkah² yang telah di-ambil atau yang akan di-ambil untuk menentukan yang semua-nya di-pagar.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

- (a) Jumlah lintasan rata awam seluroh rangkaian keretapi ia-lah 203 buah.
- (b) Lintasan rata awam terbuka atau yang tidak berpintu ada-lah sa-banyak 51 buah.
- (c) Langkah² yang telah di-ambil sudah di-sebutkan dalam jawapan saya pada 11-5-1972 berkenaan dengan satu soalan yang mengandongi perkara yang serupa.

BARANG KEPERLUAN DARI CHINA—PENGIMPOTAN

34. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan ada-kah beliau akan menimbang membenarkan pehak² swasta terus mengimpot barang² keperluan harian dan barang² musiman dari Republik Ra'ayat China melalui Hong Kong atau pun Republik Singapura.

Tuan Mohamed Khir Johari: Soal sama ada pengimpotan barang² keperluan dan barang² bermusim melalui Hong Kong dan Republik Singapura ada-lah bergantung kepada sama ada barang² yang di-impot chara langsung oleh PERNAS atau pun pengimpot² Malaysia dari Republik Ra'ayat China boleh memenohi keperluan pasaran tempatan. Ini ada-lah sejajar dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan perdagangan sa-chara langsung daripada berdagang dengan pehak² ketiga.

ROMBONGAN BINTANG² PERAK— PERTUNJOKAN

35. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Penerangan dan Menteri Tugas² Khas menyatakan, berhubung dengan lapan pertunjukan yang mengandongi achara² lagu² dan tarian² yang di-pertunjokkan oleh Rombongan Bintang² Perak, Hong Kong, dari 20hb Mach hingga 9hb April, 1971, ada-kah rakaman pertunjukan tersebut akan di-tayangkan di-talivishen, dan jika ya, bila.

Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Kementerian Penerangan tidak ada niat hendak menayangkan pertunjukan Bintang Perak (Silver Star) menerusi TV sebab-nya, pertunjukan Bintang Perak ini ada-lah satu pertunjukan yang tidak dikehendaki untuk di-tayang menerusi sebaran am.

PELANCHONGAN² KA-MALAYSIA— JUMLAH

36. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelanchong² Antarabangsa ka-Malaysia pada tahun 1970 dan 1971; dan jumlah pelanchong² yang di-jangka akan datang dari tahun 1972 hingga 1975.

Tuan Mohamed Khir Johari: Sa-hingga bulan Ogos tahun lepas, data pelanchong yang tiba ka-Malaysia ada-lah chuma di-kumpul dari segi bilangan pelanchong² yang tiba melalui udara dan laut ka-Malaysia Barat dan tidak termasuk (a) bilangan pelanchong² yang memasokki ka-negara ini melalui jalan raya dan keretapi dari Singapura dan Negeri Thai dan (b) data bagi Malaysia Timor. Data Pelanchong ka-Malaysia melalui

udara dan laut melalui Pulau Pinang, Port Klang dan Kuala Lumpur bagi tahun 1969-1971 ada-lah seperti berikut:

		Peratus Bertambah/ Kurang
Tahun 1969	53,071 orang	—
Tahun 1970	76,374 ..	+43.92%
Tahun 1971	104,742 ..	+45.00%

Memandang kepada kejayaan pada dua tahun yang lepas dan di-tinjau dari Persidangan PATA yang telah di-adakan di-Malaysia pada awal tahun ini yang telah mendapat kejayaan publisiti yang begitu luas, bilangan pelanchong² yang di-jangka akan tiba melalui udara dan laut ka-Malaysia Barat sahaja ada-lah seperti berikut:

Tahun 1972	157,000 orang
Tahun 1973	236,000 ..
Tahun 1974	354,000 ..
Tahun 1975	500,000 ..

Perlaksanaan sekim kawalan keluar-masok "exit formality" bagi pelanchong² ka-Malaysia pada pertengahan tahun lepas akan membolehkan pengiraan perangkaan yang lebeh tepat bagi bilangan pelanchong² yang tiba ka-negara ini tidak sa-bagaimana di-buat sa-chara "head counts" di-tiga tempat pengiraan atau "check points" di-Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Port Klang. Sekim baru "exit formality" ini memerlukan pengiraan di-buat di-12 tempat² masok di-Malaysia Barat termasuklah pengiraan di-Tambak Johor. Angka² permulaan bagi bulan Ogos tahun lepas berdasarkan pengiraan di-12 tempat² masok itu yang menunjukkan pelanchong² yang tiba ka-Malaysia Barat berjumlah sa-ramai 72,000 orang.

Di-tinjau dari kejayaan Persidangan² PATA yang lepas, Korea mendapat angka² pelanchong yang bertambah sa-banyak 71% sa-tahun sa-lepas di-adakan Persidangan itu dalam tahun 1965; Taiwan mendapat tambahan sa-banyak 65% sa-tahun sa-lepas di-adakan Persidangan dan Negeri Thai yang mana di-kenali sa-bagai "saturated destination area" telah jua dapat menambahkan bilangan pelanchong² sa-banyak 35% sa-lepas di-adakan Persidangan PATA pada tahun 1969.

Malaysia di-jangka mendapat tambahan sa-banyak 50% bilangan² pelanchong pada tahun 1973.

PERSIDANGAN PATA—JUMLAH PERBELANJAAN

37. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah wang yang telah di-belanjakan untuk Persidangan PATA dan jumlah yang di-jangka akan kembali daripada tanaman modal tersebut. Apa-kah sumbangan² terhadap perbelanjaan PATA dari sektor² swasta.

Tuan Mohamed Khir Johari: Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membelanjakan sa-banyak \$100,000 dalam mengadakan Workshop PATA di-Pulau Pinang dan Kerajaan Pusat telah membelanjakan sa-banyak \$300,000 bagi Persidangan yang di-adakan di-Kuala Lumpur dan juga bagi lawatan² yang di-adakan untuk para perwakilan melawat ka-seluruh Malaysia termasuk negeri Sabah dan Sarawak.

Peruntukan ini, Ahli Yang Berhormat itu mungkin ingin tahu, ada-lah di-belanjakan di-dalam negeri ini dan Ahli Yang Berhormat itu patut sedar bahawa ini bukan-nya wang yang di-belanjakan tanpa faedah, tetapi perbelanjaan yang membangkitkan aktiviti² di-bidang ekonomi dan jua yang membawa pendapatan kembali kepada ra'ayat² Malaysia di-dalam negara ini jua.

Sumbangan² dari kalangan swasta terhadap perbelanjaan² Persidangan PATA kebanyakan-nya merupakan perbelanjaan bagi mengadakan majlis² kera'ian kepada wakil² seperti jamuan makan tengah-hari dan majlis makan-malam sa-masa Workshop dan Persidangan PATA dan juga sa-masa peserta² mengikuti lawatan² sa-bagaimana yang telah di-ator. Pertubohan² swasta juga telah memberi sumbangan dengan chara memberi harga khas bagi bayaran tempat² penginapan dan harga sewa pengangkutan jalan serta memberi sumbangan chendermata² atau buah-tangan kepada peserta². Jumlah perbelanjaan bagi sumbangan² tersebut boleh di-anggarkan sa-banyak \$50,000. Dari segi pendapatan kembali bagi jumlah yang di-belanjakan itu Ahli Yang Berhormat itu mungkin ingin mengetahui bahawa tiap² peserta Persidangan ada-lah di-kenakan bayaran pendaftaran sa-banyak \$60 untuk menghadiri Workshop, \$180 untuk menghadiri Persidangan dan isteri² mereka pula di-kenakan bayaran pendaftaran sa-banyak \$70 tiap² sa-orang. Jumlah ini,

sa-lepas di-potong sa-banyak 10 peratus untuk Ibu Pejabat PATA ada-lah di-bayar kepada Kerajaan. Peserta² Persidangan telah jua membayar tempat² penginapan, harga² makanan dan minuman dengan sendiri sa-masa mereka berada di-negara ini.

Keterangan terakhir mengenai penerimaan wang daripada bayaran pendapatan maseh belum di-terima daripada Ibu Pejabat PATA di-San Francisco. Tetapi berdasarkan kira² kewangan yang awal ada-lah di-dapati bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan telah memungut jumlah pendapatan sa-banyak \$200,000 melalui bayaran² pendaftaran; kalangan² swasta di-Pulau Pinang di-jangka mendapat sa-banyak \$100,000 dari perbelanjaan² oleh peserta² dan isteri² mereka bagi tempat² penginapan dan lain² perbelanjaan; kalangan swasta di-Kuala Lumpur di-jangka mendapat sa-banyak \$330,000 melalui pelbagai perbelanjaan oleh peserta dan melalui ranchangan² keraian (hospitality suites) dan lain² chara hiburan yang di-tunjukkan kepada peserta² lain sa-masa mereka berada di-Kuala Lumpur manakala negeri² lain pula di-jangka mendapat sa-jumlah \$50,000 melalui perbelanjaan² yang di-belanjakan oleh peserta² sa-masa mereka melanchong dan melawat.

Ada-lah jelas bahawa bagi perbelanjaan sa-banyak \$950,000 Malaysia sudah pun memungut kembali pendapatan lebih kurang \$700,000 sa-chara terus-menerus dari peserta² Persidangan.

Dari segi pengembalian atas tanaman modal ini, Malaysia berharap menggandakan pendapatan dari pelanchongan yang sekarang berjumlah sa-banyak \$39.88 juta, pada akhir tahun 1973.

Di-tinjau dari sudut keuntongan publisiti terhadap negara kita telah memperolehi sebaran seranta perchuma yang bernilai berjuta² ringgit dan jua ikatan muhibbah yang chemerlang, yang mana akan menolong menambahkan lagi bilangan pelanchong² melawat Malaysia dalam tahun² yang akan datang.

JAWATAN-KUASA KAWALAN CHUKAI JUALAN—TUGAS²

38. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan memberi laporan berkenaan dengan

tugas² "Sales Tax Special Law Enforcement Committee", dan sama ada Jawatan-kuasa tersebut dapat menyekat kenaikan harga² dengan berkesan.

Tun Tan Siew Sin: Saya suka menjelaskan di-sini bahawa tugas² Jawatan-kuasa Kawalan Chukai Jualan bukan-lah untuk mengawas atau mengawal harga barang². Sa-bagaimana yang telah saya terangkan samasa mengumumkan pembentokan Jawatan-kuasa ini, tugas dan tanggung-jawab-nya ia-lah untuk mendedahkan mereka yang mengambil kesempatan sa-chara tidak bertimbang-rasa di-atas kejahilan dan kechuaian pembeli² bagi keuntungan mereka sendiri. Dengan itu tugas Jawatan-kuasa ini ia-lah kesalahan-nya kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri oleh kerana di-sangka bahawa mereka yang melanggar undang² ini ada-lah juga mengelak dari membayar cukai pendapatan.

Peruntokan² menghukum mereka yang melanggar undang² cukai jualan memang telah sedia ada dan saya harap peruntokan² ini serta kerja² Jawatan-kuasa tersebut akan menolong usaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mengawasi dan mengecek harga barang².

Berkenaan dengan soalan sama ada saya akan melaporkan kegiatan Jawatan-kuasa ini saya rasa tidak-lah perlu memandang kepada penjelasan yang telah saya beri.

HARGA GULA DAN STOCKPILE— MENSTABILKAN

39. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) apa-kah langkah² yang telah di-ambil oleh Kementerian-nya untuk menstabilkan harga gula sejak 1hb Disember, 1971, dan mengapa-kah langkah² tersebut tidak dapat mengawal harga gula dari melambong tinggi; dan
- (ii) sejak tarikh bila Kementerian-nya telah mengadakan simpanan gula (stockpile), dari jumlah simpanan pada 1-12-71; 1-1-72; 1-2-72; 1-3-72 dan 1-4-72.

Tuan Mohamed Khir Johari:

- (i) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah pun menjalankan kajian dari masa ka-masa mulai daripada tahun 1969 ka-atas harga gula

pasir tempatan untuk menjamin harga gula yang serendah² yang boleh. Permohonan daripada perusahaan penapisan gula tempatan untuk menaikkan harga gula telah di-siasat dengan mendalam dan teliti dan ada masa²-nya permohonan daripada mereka untuk menaikkan harga gula telah di-tolak oleh Kementerian. Tetapi oleh kerana negara ini bergantung sa-penoh-nya kepada gula mentah yang di-impot yang mana harga-nya bergantung kepada keadaan pasaran dunia, maka harga gula pasir tempatan pada keseluruhan-nya di-tentukan oleh harga gula mentah yang di-beli oleh pekilang² gula tempatan di-pasaran dunia. Oleh itu usaha Kerajaan untuk menstabilkan harga gula pasir ada-lah terhad oleh keadaan di-pasaran dunia yang tidak dapat di-kawal oleh Kerajaan.

- (ii) Kementerian telah mula mengadakan simpanan (stockpile) gula pada penghujung bulan Februari, 1972. Jumlah gula yang di-keluarkan daripada simpanan (stockpile) atau pun banyaknya yang maseh tersimpan tidak-lah dapat di-nyatakan kerana kepentingan awam.

PENGANGGORAN DI-PULAU PINANG

40. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan angka orang² yang menganggor di-Pulau Pinang saperti yang terdapat pada 1hb Mei, 1969, 1hb Mei, 1970 dan 1hb Mei, 1971 dan 1hb Mach, 1972.

Tan Sri V. Manickavasagam: Kajian mengenai penganggoran mengikut negeri tidak di-usahakan di-negeri ini pada bila² masa dan oleh yang demikian angka² penganggoran meliputi negeri Pulau Pinang tidak di-perolehi.

Walau bagaimana pun, sa-bahagian besar angka² pendaftaran penchari² kerja di-Perkhidmatan Pekerjaan akan dapat memberi peluang² menaksir kedudukan penganggoran di-sana. Berikut ia-lah angka² pendaftaran

di-Pejabat Pekerjaan, Pulau Pinang, sa-bagai-mana yang terchatit di-sabelah tarikh masing²:

Tarikh		Bilangan Penchari ² Kerja yang mendaftar
1hb Mei, 1969	...	10,006
1hb Mei, 1970	...	14,762
1hb Mei, 1971	...	15,323
1hb Mach, 1972	...	12,869

Walau bagaimana pun, saya ingin menyatakan bahawa pendaftaran pemohon di-mana² Pejabat Pekerjaan akan menunjokkan mereka yang menganggor, lain² yang mempunyai pekerjaan tetapi mencari pertukaran pekerjaan dan yang lain²-nya di-Perkhidmatan Pekerjaan Sambilan.

NUKLEAR DAN RADIOACTIVE ISOTOPES—KAJIAN NISIR

41. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan (NISIR) telah di-arahkan mengkaji faedah menggunakan kuasa nuklear di-Malaysia, dan jika ya, nyatakan bila-kah kajian ini telah di-mulakan, siapa-kah yang membuat kajian ini, jenis dan bidang kajian tersebut, dan bila-kah projek tersebut di-jangka siap.

Dato' Ong Kee Hui: Dalam bulan Oktober 1971, Pengarah NISIR, Dr Teh Hock Heng, telah di-arah untuk mengkaji faedah² penggunaan "radioactive isotopes" dan kuasa nuklear di-Malaysia. Pada 11hb November 1971, satu Jawatan-kuasa mengkaji pemakaian tenaga nuklear telah di-tubuhkan yang di-pengerusikan oleh Dr Teh Hock Heng, Pengarah NISIR. Ahli² Jawatan-kuasa ini termasuk-lah Prof. S. A. Husain, Prof. K. L. Lim, Dr S. L. Tong, Dr Sinha dan Dr Sundralingam. Jawatan-kuasa ini telah mengadakan persidangan mengenai keperluan² Malaysia dan mengkaji pengalaman² negara² jiran dalam penggunaan tenaga nuklear. Laporan-nya telah di-kemukakan dalam bulan Mach, 1972 dan maseh dalam pertimbangan Kerajaan sekarang.

KECHICHIRAN MURID²—KAJIAN

42. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian-nya telah mengambil langkah²

konkrit untuk mengatasi masaalah kechichiran² murid² di-sekolah² di-Malaysia.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Sa-bagaimana saya telah ma'alomkan dalam Dewan ini pada 11hb yang lepas, saya maseh lagi menunggu hasil dari kajian kechichiran, yang sedang di-jalankan. Walau bagaimana pun, langkah² yang tertentu telah pun diambil bagi mengatasi masaalah kechichiran, sementara menunggu hasil dari penyelidikan ini. Pegawai² Kanan Ibu Pejabat Kementerian Pelajaran, Ketua² Pegawai Pelajaran Negeri telah di-minta mengadakan majlis² dalilog dengan orang ramai, terutama-nya, dengan ibu-bapa murid² dengan tujuan memberi penerangan mengenai pelajaran, agar dengan chara ini mereka akan sedar tentang nilai pelajaran. Sa-lain daripada itu, Ketua² Pegawai Pelajaran Negeri juga di-minta berusaha mendapatkan balek murid² yang telah terchichir dari sekolah untuk meneruskan pelajaran mereka.

LESEN² TEKSI DI-LANGKAP—MENAMBAHKAN

43. **Tuan Chan Fu King** minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau akan menimbang menambah bilangan lesen² teksi di-Langkap, Perak dan kawasan² di-sekitar-nya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Menurut Sekshen 95, Undang² Lalu Lintas Jalan 1958, chadangan untuk menambah bilangan pengkalan teksi dan kereta sewa di-dalam sa-sabua kawasan ada-lah terta'alok di-atas persetujuan Kerajaan² Negeri dan Menteri Perhubungan. Kementerian ini telah pun berhubung dengan Kerajaan Negeri Perak supaya menyiasat kemungkinan untuk menambah bilangan lesen kereta sewa di-Langkap, Perak dan kawasan² di-sekitar-nya.

BANTUAN EKONOMI KERAJAAN BRITISH

44. **Dr A. Soorian** minta Menteri Pertahanan menyatakan apa-kah bantuan² yang telah di-beri kepada Kerajaan Malaysia oleh Kerajaan British, sama ada dari segi kewangan atau mata benda, sa-masa askar² Commonwealth di-tarek keluar dari negara ini.

Tun Haji Abdul Razak: Kerajaan Inggeris telah bersetuju mengadakan wang sa-jumlah £25 juta (M\$184 juta) untuk kegunaan sa-

hingga bulan Mach, 1973 sa-bagai bantuan ekonomi. Satu per-empat dari jumlah bantuan itu merupakan sa-bagai hadiah dan tiga per-empat lagi ada-lah merupakan sa-bagai pinjaman tanpa faedah yang akan di-bayar balek sa-lepas 7 tahun dalam masa 18 tahun. 75% daripada bantuan itu di-kehendaki digunakan untuk membeli barang² dan perkhidmatan Inggeris.

Kerajaan Inggeris telah juga bersetuju menyerahkan tanpa apa² bayaran semua tanah² dan harta² tetap yang di-perlukan untuk ranchangan² ekonomi dan pertahanan bersama² dengan lain² alat kelengkapan tidak tetap yang berbentok non-operasional yang berlebihan yang mana di-perlukan untuk menyelenggarakan harta² itu.

LADANG² GETAH DI-PECHAH²KAN (FRAGMENTED)

45. Dr A. Socrian minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah ladang² getah yang telah di-pechah²kan (fragmented) sa-lepas Undang² Menchegah Pemechahan Ladang² di-luluskan.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Jumlah ladang² getah yang telah di-pechah²kan (fragmented) sa-lepas Undang² Menchegah Pemechahan Ladang² di-luluskan ia-lah 85.

CHARUMAN GURU² KAPADA KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU²

46. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada guru² bukan pegawai Kerajaan yang mencharumkan kapada tabong Kumpulan Wang Simpanan Guru² (K.W.S.G.) tidak di-kehendaki mencharumkan lagi sa-telah ia-nya menerima tawaran Gaji Aziz; dan jika demikian, apa-kah kedudukan-nya wang yang sudah di-charumkan itu; dan
- (b) sama ada dapat di-pulangkan kapada guru² yang berkenaan dengan segera atau di-ta'alok bawah peratoran² yang sama dengan peratoran² Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (K.W.S.P.).

Tuan Hussein bin Dato' Onn:

- (a) Betul. Charuman² itu akan di-simpan sa-hingga mereka bersara. Di-waktu

sa-saorang guru itu bersara, ia akan berhak memileh satu daripada yang berikut:

- (i) menyimpan charuman²-nya, termasuk charuman majikan, bersama² dengan bunga atas-nya. Dalam keadaan ini perkhidmatan-nya yang di-liputi oleh charuman itu tidak akan di-kira untuk perkiraan penchen.
- (ii) menyerahkan kapada Kerajaan bahagian charuman majikan bersama dengan bunga atas-nya. Dalam keadaan ini perkhidmatan yang di-liputi oleh charuman yang di-pulangkan itu akan di-kira untuk perkiraan penchen.

(b) Soalan ini telah di-jawab dalam (a).

KOMPLEKS PELABOHAN PERIKANAN—CHADANGAN

47. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) sama ada kemudahan² yang akan di-sediakan di-Kompleks Pelabohan Perikanan Kuala Kedah, Pulau Pinang dan Lumut itu hanya untuk nelayan² yang menjadi ahli Persatuan² Nelayan sahaja;
- (b) bilangan nelayan², keluarga nelayan dan orang ramai yang dapat menerima faedah daripada kompleks dan bila ia-nya di-jangka siap.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:

- (a) Kompleks Pelabohan Perikanan yang di-chadangkan di-Kuala Kedah, Pulau Pinang dan Lumut itu ada-lah terbuka kapada semua nelayan.
- (b) Menjelang pertengahan tahun 1973 komplek² ini di-harap akan dapat digunakan. Ada-lah tidak mungkin untuk memberi bilangan nelayan/keluarga yang tepat yang akan menerima faedah daripada ranchangan² ini. Walau bagaimana pun ada-lah menasabah untuk menyatakan bahawa ketiga² tempat yang di-pileh ini ada-lah pusat² perikanan yang penting dan oleh itu akan memberi faedah² yang besar.

LEMBAGA PENGARAH PERSATUAN PELADANG—AHLI²

48. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) nama ahli² Lembaga Pengarah Persatuan Peladang Perengkat Kebangsaan yang terpilih baharu² ini dengan menyebutkan pekerjaan mereka itu masing²; dan
- (b) nama Pengarah² yang di-lantek oleh Menteri.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:

- (a) Sa-puluh orang ahli Lembaga Pengarah Persatuan Kebangsaan yang di-pilih oleh Meshuarat Agong P.P.K. pada 24hb Mach, 1972 ia-lah:

1. Enche' Kamaruzzaman bin Ahmad—Selangor—Petani/Wakil Ra'ayat.
2. Enche' Mohd. Noh bin Mohd. Som—Johor—Petani.
3. Enche' Wan Bakar bin Wan Talib—Pahang—Petani/Ketua Kampung.
4. Enche' Abd. Manaf bin Salleh—Trengganu—Petani.
5. Enche' Saufi bin Othman—Kelantan—Petani/Penghulu (Ketua Kampung).
6. Tuan Haji Zainuddin bin Haji Sidin—Selangor—Petani/Senator.
7. Enche' Mohd. Fadzil bin Imam—Johor—Petani.
8. Enche' Zarawi bin Mohamad—Kelantan—Petani.
9. Enche' Lokman bin Yusof—Selangor—Petani.
10. Tuan Haji Hassan bin Haji Yaacob—Melaka—Petani/Senator.

- (b) Ahli Pengarah yang telah di-lantek oleh Yang Berhormat Menteri ia-lah Enche' Meon bin Hassan daripada Negri Sembilan ia-itu sa-orang petani.

JAWATAN PEGAWAI² DAGANG DI-WARGANEGARAKAN

49. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat sama ada beliau akan mendesak Sharikat

Shell Sarawak supaya memberi jawatan² yang di-pegang oleh orang² dagang sekarang ini kepada orang² Malaysia.

Tan Sri V. Manickavasagam: Kerajaan Negeri Sarawak ada mempunyai satu dasar di-mana semua jawatan² yang di-pegang oleh pegawai² dagang hendak-lah sa-ratus peratus (terkechuali jawatan penting "key posts") di-warganegarakan pada atau sa-belum tahun 1978. Walau bagaimana pun Kerajaan Negeri Sarawak sentiasa mengkaji dan mengawasi perkara ini dan jika keadaan membenarkan akan mendesak pehak yang berkenaan untuk mewarganegarakan jawatan² tersebut dengan sa-berapa segera yang boleh sa-belum tarikh itu.

SISTEM KESELAMATAN BERSAMA ASIA—CHADANGAN RUSSIA

50. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan, dalam Peratoran Pertahanan Lima-Kuasa apa-kah sikap Malaysia terhadap chadangan Russia supaya di-ujudkan suatu Pakatan Pertahanan Bersama Asia yang bertujuan menyumbang ka-arrah keamanan dan keselamatan di-rantau ini dan sama ada Malaysia bersedia untuk membuat kajian atau mempertimbangkan-nya baik dari segi pertahanan atau sa-balek-nya.

Perdana Menteri: Yang Berhormat agaknya merujuk kepada chadangan Soviet untuk mengadakan Sistem Keselamatan Bersama Asia (Asian Collective Security System). Kita memang pernah mengkaji dengan penoh perhatian dan minat segala usaha untuk memajukan keamanan dan kestabilan di-rantau ini. Malaysia saperti tuan sed'a ma'alom memang ada chadangan pengechualian untuk keamanan dan kestabilan rantau ini yang pada pendapat kita lebih praktikal dan harus dapat di-laksanakan dan pada fikiran kita Soviet Russia tidak akan mendapat kesulitan untuk menerima. Oleh yang demikian kita telah memusatkan tenaga kita kepada menayakan matlamat ini.

KESELAMATAN LALU-LINTAS SELAT MELAKA

51. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan langkah² yang di-ambil oleh Malaysia terhadap kapal² yang berulang-alek di-Selat Melaka dan sama ada Malaysia berchadang hendak menentang ranchangan hendak menjadikan Selat Melaka sa-bagai

satu perayeran antarabangsa di-Persidangan Bangsa² Bersatu mengenai Undang² Lautan di-Stockholm.

Perdana Menteri: Saya suka menarek perhatian Ahli Yang Berhormat kepada kenyataan Bersama antara Indonesia, Malaysia dan Singapura yang telah di-umumkan serentak di-Jakarta, Kuala Lumpur dan Singapura pada 16hb November, 1971. Di-bawah perenggan 4 item 3, ketiga² Kerajaan telah pun bersetuju menubuhkan satu badan kerjasama bagi menyelaraskan usaha² bagi menjamin keselamatan lalu-lintas di-Selat itu. Pada masa sekarang "joint hydrographic survey" maseh lagi di-jalankan di-Selat tersebut.

Malaysia sudah tentu akan menentang sebarang langkah menjadikan Selat Melaka sa-bagai kawasan perayeran antarabangsa di-Law of the Sea Conference pada tahun hadapan.

SELAT MELAKA KA-BANGSA² BERSATU—DI-BINCHANGKAN

52. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia akan membawa perkara Selat Melaka ka-Bangsa² Bersatu untuk keputusan muktamad; jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Ada-lah di-agakkan bahawa persoalan mengenai Selat akan di-binchangkan di-Persidangan Bangsa² Bersatu mengenai "Law of the Sea", tahun depan dan Malaysia akan di-wakili di-Persidangan tersebut.

PERHUBONGAN PAKISTAN DENGAN MALAYSIA

53. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada hubungan kita dengan Pakistan telah terjejas akibat pengiktirafan kita terhadap Bangla Desh dan juga bantuan yang di-berikan kepada-nya, dan jika benar demikian, dari segi apa.

Perdana Menteri: Sa-panjang yang saya ketahui, perhubungan yang sangat baik antara kita dengan Pakistan ada-lah tidak terjejas akibat pengiktirafan kita terhadap Bangla Desh.

DEKLARASI KUALA LUMPUR

54. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan

memberikan laporan berkenaan lawatan-nya ka-Burma, dan sama ada benar yang Jeneral Ne Win tidak bersetuju dengan Deklarasi Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Declaration) terhadap pengechualian Asia Tenggara kerana ia tidak berpuas hati yang Malaysia dan negara² lain yang menandatangani Deklarasi tersebut benar² berkechualian.

Perdana Menteri: Sa-masa rundingan saya di-Burma baru² ini Jeneral Ne Win menyokong penoh pengertian (concept) pengechualian Asia Tenggara dan menyatakan Burma akan menjadi pehak kepada peratoran² ini apabila ia-nya di-perolehi. Jeneral Ne Win menyatakan bahawa walau bagaimana pun Burma memang berkechualian dan oleh itu akan menjadi kelebehan sahaja sa-kira-nya Burma mengesahkan Penyataan Kuala Lumpur itu.

KETUA JABATAN PENJARA SABAH—ADUAN

55. Tuan J. Stephen Tibok minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sa-tengah² Ketua Jabatan² Persekutuan di-Sabah saperti Ketua Jabatan Penjara, tidak menunaikan tanggung-jawab mereka dengan betul dan banyak aduan telah di-buat terhadap mereka itu; dan jika ya, sama ada beliau akan menimbang menggantikan pegawai² ini, terutama sa-kali jika pengetahuan Bahasa Malaysia mereka lemah, dengan pegawai² bumiputra tempatan.

Perdana Menteri: Sa-panjang pengetahuan saya, boleh di-katakan ka-semua Ketua Jabatan² Persekutuan di-Sabah telah menunaikan tanggung-jawab mereka dengan chekap, bijaksana lagi saksama. Banyak daripada kejayaan² di-sagenap lapisan penghidupan di-Sabah ada-lah bukti sumbangan dan perkhidmatan mereka yang ta'at setia, jujur dan ikhlas terhadap Negeri Sabah.

Dalam pada itu, jika ada sa-orang dua Ketua Jabatan Persekutuan yang tidak dapat menjalankan kewajipan mereka dengan puas hati dan tidak dapat menyesuaikan diri mereka, maka tindakan yang sewajar-nya akan di-ambil oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Surohanjaya Perkhidmatan Awam untuk menggantikan-nya dengan pegawai² yang layak, sesuai dan berkebolehan, termasuk pegawai² bumiputra tempatan.

Peratoran ini meliputi semua Ketua Jabatan² Persekutuan di-Sabah termasuk Ketua Jabatan Penjara yang di-sebutkan itu.

PERTUKARAN² LAWATAN MAJLIS PERUNDINGAN NEGERI²

56. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Perdana Menteri menyatakan bila-kah pertukaran² lawatan:

- (i) antara Yang Berhormat Ahli² Majlis Perundangan Negeri di-Malaysia Barat dan di-Malaysia Timor; dan
- (ii) antara Yang Berhormat Ahli² Parlimen di-Malaysia Barat dan di-Malaysia Timor, akan bermula.

Perdana Menteri: Pertukaran lawatan di-antara Yang Berhormat Ahli² Majlis Perundangan Negeri terpulang-lah kepada Majlis² Negeri² sendiri.

Kerajaan boleh menimbangkan pertukaran² lawatan Yang Berhormat Ahli² Parlimen kira-nya lawatan itu boleh memberi faedah kepada ra'ayat dan jikalau keadaan kewangan mengizinkan.

PENDAFTARAN PENGUNDI²

57. Tuan Loh Jee Mee minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pendaftaran pengundi² akan di-adakan pada tahun ini.

Perdana Menteri: Ya, pendaftaran pengundi² akan di-adakan pada tahun ini.

SENARAI PENGUNDI² BARU—MEMEREKSA

58. Tuan Goh Hock Guan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah poster² yang telah di-pamerkan kepada orang ramai untuk memberi tahu dan membantu mereka memeriksa senarai² pengundi yang baru untuk 1971;
- (b) jumlah poster² untuk satu² negeri;
- (c) berapa banyak-kah yang telah di-beri kepada satu² kawasan Parlimen; dan
- (d) berapa banyak-kah yang telah di-beri untuk satu² daerah mengundi dan satu unit mengundi.

Perdana Menteri:

- (a) Jumlah poster² yang telah di-pamerkan ia-lah 17,200.

(b) Jumlah poster² untuk satu² negeri ia-lah 3,000 bagi Johor, 2,700 bagi Selangor, 2,500 bagi Perak, 2,000 bagi Kedah/Perlis, 1,800 bagi Kelantan, 1,700 bagi Pahang dan 1,000 bagi Negeri² Trengganu, Melaka, Negri Sembilan dan Pulau Pinang.

(c) dan (d) Poster² itu di-bahagikan kepada tiap² satu kawasan Parlimen mengikut bilangan daerah mengundi dalam satu² kawasan Parlimen itu. Tiap² satu Daerah atau unit mengundi di-beri 5 poster.

BORANG² PENDAFTARAN PENGUNDI² BARU—KEKURANGAN

59. Tuan Goh Hock Guan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada terdapat kekurangan borang² pendaftaran sa-masa kempen mendaftar pengundi² baru pada tahun 1971 di-jalankan.

Perdana Menteri: Sa-benar-nya tidak ada kekurangan borang² berhubung dengan pendaftaran. Sa-banyak 1,300,000 borang telah di-keluarkan dan chuma 705,471 borang sahaja yang di-terima balek.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

RANG UNDANG² PERPUSTAKAAN NEGARA

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan penubuhan Perpustakaan Negara dan berkenaan dengan perkara² yang berhubung dengan-nya; di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² PEMEGANG PAJAK GADAI

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan² yang lebih baik dalam undang² berhubung dengan pemegang pajak gadai dan perkara² yang berkenaan dengan-nya; di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

USUL²

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1972

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang² No. ST. 15/72 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah ini di-buat untuk memecahkan Nombor² Kepala bagi semua jenis "shapes" dan "sections" mengikut ukuran² yang tertentu ia-itu yang mempunyai tebal 5 mm atau kurang dan yang lebih dari 5 mm. Pemecahan ini, walau bagaimana pun, tidak-lah melibatkan apa² perubahan chukai kerana semua-nya masih tidak berchukai impot seperti dahulu jua.

Pemecahan ini perlu di-buat kerana hendak mengenakan sekatan impot atas "shapes" dan "sections" yang mempunyai ukuran tebal 5 mm atau kurang yang ada dikeluarkan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang² No. ST. 15/72 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-

nya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang² No. ST. 16/72 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah ini di-buat untuk tiga tujuan. Pertama, mengenakan juga chukai² tertentu sebanyak 6 sen satu kaki persegi atas "self-adhesive plastic tape" yang jatuh di-bawah nombor Kepala 39.07 410 yang dahulu-nya chuma berchukai impot sebanyak 40%, 3 sen satu kaki persegi atas "adhesive paper" yang tidak di-potong, di-bawah nombor Kepala 48.07 440 dan yang telah di-potong dalam keadaan "in strips, rolls or sheets" di-bawah nombor Kepala 48.15 310 yang dahulu-nya chuma berchukai impot sebanyak 30%, 1 sen bagi satu pasang "laces untuk kasut, but, corsets dan sebagai-nya di-bawah nombor Kepala 62.05 200 yang dahulu-nya chuma berchukai impot sa-banyak 25%, dan \$15.00 satu cwt atas "bolts and nuts", di-bawah nombor Kepala 73.32 100 yang dahulu-nya chuma berchukai impot sa-banyak 30%. Kedua, pada masa ini alat² penimbang yang di-kenakan chukai impot sa-banyak 50% atau \$30.00 tiap² satu ia-lah bagi jenis "platform scales of a calibration" tidak lebih 75 kati. Di-bawah pindaan ini, chukai yang tersebut itu ada-lah juga di-kenakan kapada alat² penimbang yang sama sa-hingga 100 kati. Ketiga, menaikkan chukai impot atas berus chat yang lebar-nya 1 inchi atau lebih di-bawah nombor Kepala 96.02 310 daripada 10% kapada 30%. Lain² jenis berus di-bawah nombor Kepala 96.02 390 di-kekalkan chukai²-nya sebanyak 10%. Perubahan² ini di-buat untuk memberi perlindungan tarif yang sesuai kapada perusahaan² dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3), 1972 yang telah

di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-
bagai Kertas Undang² No. ST. 16/72 tahun
1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

**Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan)
1972**

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang
di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan
ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-
nya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen
147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti
Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) 1972,
yang telah di-bentangkan di-hadapan
Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No.
ST. 17/72 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah ini di-buat untuk melanjutkan
duti² impot ka-Pulau Pinang atas barang²
saperti "self-adhesive plastic tape", kertas²
pelekat yang telah di-potong atau pun tidak
dalam keadaan "in strips, rolls or sheets",
berus chat yang lebar-nya satu inchi atau
lebeh dan tali² kasut, but, corset dan sa-
bagai-nya masing² jatuh di-bawah Nombor²
Kepala 39.07 410, 48.15 310, 48.15 390,
96.02 310 dan 62.05 200. Tujuan berbuat
demikian ada-lah untuk memberi
perlindungan tarif yang sesuai kapada
perusahaan² tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon
menchadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang
di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-
setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan
ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-
nya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen
147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti
Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) 1972,
yang telah di-bentangkan di-hadapan
Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No.
ST. 17/72 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang
di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan
ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-

nya oleh sekshen kecil (2) dalam Sekshen
11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti
Kastam (Pindaan) (No. 4), 1972 yang
telah di-bentangkan di-hadapan Majlis
ini sa-bagai Kertas Undang² No. ST.
18 /72 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah ini di-buat bagi tujuan² mengena-
kan duti impot sa-banyak \$400 satu tan atas
"steel wire ropes" dan "strands" yang jatuh
di-bawah Nombor Kepala 73.25 000 dan
memecahkan Nombor kepala 67.04 000
kapada Nombor² kepala 67.04 100 dan
67.04 900. "Wigs with cap-shaped base" akan
jatoh di-bawah Nombor kepala 67.04 100
dan di-kenakan duti impot sa-banyak 25%
atau \$5 tiap² satu yang mana lebeh tinggi.
Lain² jenis rambut palsu akan jatuh
di-bawah Nombor kepala 67.04 900 dan di-
kenakan duti impot sa-banyak 25% saperti
yang ada sekarang. Duti² impot di-kenakan
atas barang² ini ada-lah untuk melindungi
perusahaan² dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon
menchadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang
di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-
setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan
ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-
nya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen
11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti
Kastam (Pindaan) (No. 4), 1972 yang
telah di-bentangkan di-hadapan Majlis
ini sa-bagai Kertas Undang² No. ST. 18/72
tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

**Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan)
(No. 2) 1972**

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang
di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan
ia-itu menurut kuasa² yang di-beri
kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam
Sekshen 147, Akta Kastam, 1967 Perintah
Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan)
(No. 2), 1972 yang telah di-bentangkan
di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas
Undang² No. ST. 19/72 tahun 1972 di-
sahkan.

Tujuan² Perintah ini ada-lah sama dengan tujuan² Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1972 yang baru sahaja di-luluskan oleh Majlis ini tadi melainkan ia-nya di-kenakan di-Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, as an elected representative of the people of Penang, I oppose this motion. The effect of this motion is to further erode the free port status of the Island of Penang. I accuse the Government of subverting the free port status of Penang and committing a breach of faith of the promise made by the former Prime Minister that the people of Penang will be consulted before the Central Government takes measures to take away the free port status of the island.

The people of Penang, Mr Speaker, Sir, have not been consulted, nor has the State Government been consulted at all. On this the Honourable Finance Minister has himself stated so in this House during the last session. It is obvious, Mr Speaker, Sir, that the tactics of the Central Government is to introduce motions like this and the ones to follow, to add a host of items on to the Customs List of goods on which duty is payable on importation into the Island of Penang. The Central Government is adopting these tactics in the hope and belief that it can subvert and erode the free port status of the Island of Penang without awakening or arousing the people of Penang to the fact that they are slowly losing their free port status. That is why the Central Government has not gone at one go to remove the free port status of Penang.

Mr Speaker, Sir, the effect of motions of this nature together with the 4% surtax and the recently passed 5% sales tax, has been to cause considerable damage to the trading economy of the island. Mr Speaker, Sir, the nature of the trading economy of the island is to collect goods and merchandise, raw materials especially from its hinterland, Southern Thailand and northern parts of Malaysia and to export them, and to import foreign manufactured goods to the island and

from there re-export to Northern Sumatra or Southern Thailand or to the other parts of North Malaya. But this type of re-export to Southern Thailand or to Northern Sumatra is not the classical type of entrepot trade that is understood by the Finance Ministry, which is immediately on importation, to re-export them. What happens in Penang is that there are many cases where merchants import these goods and they have to keep them in Penang for some considerable time, maybe for a period of 6 months, 3 months, sometimes even a year, before their customers in either Southern Thailand or the mainland of Malaysia or in Northern Sumatra require these goods. It is only when these goods are required that the traders of Penang re-export them and sell them. But, unfortunately, they have to pay surtax and the 5% sales tax and this makes the traders of Penang uncompetitive with traders who are located in areas like Singapore and that is why most of Penang's trade with Sumatra has gone to Singapore.

Mr Speaker, Sir, the economy of the Island of Penang has been in a bad shape and has been made worse by the inconsiderate action of the Central Government over the recent years. The Honourable Finance Minister himself has admitted recently whilst he was in Penang that the economy of Penang is in a bad shape and merits sympathetic consideration. But all we have had from the Honourable Finance Minister is his promises. So far nothing has been done. I call on the Honourable Finance Minister to carry out his promise to help the people of Penang and not delay any further.

I am quite aware, Mr Speaker, Sir, that the Honourable Deputy Minister will say that it is for the good of Penang that these Customs duties are being imposed, for otherwise industrialists will not put up factories in Penang. But we must ask, Mr Speaker, Sir, whether this claim that the Ministry of Finance often makes is correct. How many of these factories are in fact located in Penang. Goods are being added on to the Customs List on importation into the island, but how many of these factories that make these goods are located in Penang? Most of them are located in the Kuala Lumpur region and not in Penang. It does not help the economy of Penang in any way. All that it does is to create a captive market of over 400,000 people who live on the island to enrich those

industrialists who build factories in the Kuala Lumpur region. Is it being suggested by the Finance Ministry that if Customs duties are not extended to the island of Penang, that these industries in Malaysia cannot survive, that they must give protection to these industries not only on the mainland but it must be extended on to the Island of Penang, that without the 400,000 people of Penang as consumers, these industries cannot survive? All that it appears to me, Mr Speaker, Sir, is that it is to enrich these industrialists at the expense of the people of Penang, while the economy of Penang is suffering.

Mr Speaker, Sir, no one is opposed to industrialisation if it is to improve the quality and condition of the lives of the people.

Tuan Yang di-Pertua: You are repeating yourself.

Tuan Peter Paul Dason: However, it becomes a different matter if that is not the aim, but the aim is to exploit the cheap labour in this country. If, as it appears, Mr Speaker, Sir, that the Central Government is determined to do away with the free port status of Penang, then so be it. But before they do so, Mr Speaker, Sir, the people of Penang have a right to request that the Central Government find alternatives for the people of Penang to make a living, to continue with their livelihood and to improve their economy. I would therefore ask the Central Government, before they do away with the free port status of Penang, to do the following:

- (1) complete the East Coast/West Coast Road;
- (2) carry out all the necessary works to make the free trade zones really functioning and operating and not just zones that have been indicated on maps but with nothing going on there;
- (3) build the Penang Hill Road to exploit the potential for tourism of the island;
- (4) extend and improve the runway at Bayan Lepas Airport;
- (5) complete the promised bridge to link the Island of Penang to the Mainland; and
- (6) complete and implement the proposed extra ferry terminals.

If all these are done, Mr Speaker, Sir, then the Government, the Central Government, would have a case to do away with the free port status of Penang, but before that is done the Government should not erode the free port status of Penang. Before I end, Mr Speaker, Sir, I call on all M.Ps from the State of Penang to oppose this motion.

Tuan V. David: Mr Speaker, Sir, in fact I have been on many occasions

Tuan Yang di-Pertua: Is it taken for granted now that Bahasa Kebangsaan ta' berguna lagi?

Tuan V. David: Berguna, Tuan, saya champorkan. Kami dari Parti Pembangkang ingin menyatakan bahawa usul ini ada-lah usul biasa yang di-bawa oleh Kerajaan dalam Dewan ini. Parti Pembangkang di-Pulau Pinang sekarang ini telah meminta kepada Kerajaan apa yang telah di-janjikan untuk penghidupan ra'ayat di-Pulau Pinang. Mengapa kami berkata begitu? Ini ia-lah oleh kerana kami dapati tiap² kali Kerajaan ada membawa bermacam² ranchangan yang di-janjikan kepada ra'ayat hendak buat itu, hendak buat ini; hendak buat kilang² untuk memberi pekerjaan kepada ra'ayat. Tetapi nampak-nya Kerajaan tidak menghormati akan jaminan itu. Pilihanraya tahun 1969, Kerajaan Perikatan ada berjanji kepada ra'ayat, kalau Perikatan menang dan memerintah, Pulau Pinang boleh mendapat free port status. Jaminan ini nampak-nya sudah hilang, kerana Kerajaan Perikatan telah kalah dalam pilihanraya di-Pulau Pinang. Tiap² kali Perikatan menchari jalan macham mana mahu menghanchorkan mereka di-Pulau Pinang dan pada masa akan datang, boleh-lah di-beritahu kepada ra'ayat, kalau Perikatan tidak memerintah di-sana, ra'ayat tidak boleh hidup dalam Pulau Pinang. Ini boleh-lah di-katakan satu amaran Kerajaan Pusat kepada ra'ayat² Pulau Pinang.

(*Dengan izin*) Sir, with your permission, Sir, the assurances and the promises made by the Alliance Government in the 1969 election were that if the Alliance was returned to power in Penang the free port status would be restored. Many Ministers during the course of the campaign repeatedly emphasised this point to drive home to the voters that they should vote the Alliance to regain free port status. Immediately after the elections this free port status became an issue again

whereupon the Alliance changed its attitude as they were no more in power in the State of Penang.

Sir, before the Government considers completely removing the free port status, the people of Penang must be fully assured with a living. As the State offers the opportunity of living, in this instance the Government has failed to accord this opportunity to the people of Penang. Repeatedly we hear of factories and employment, the potentials of which are being stated, but even where a small element of employment opportunity has been created, large-scale exploitation of labour exists in the State of Penang. We are all for industrial development and industrialisation of the State of Penang, but it should not be at the expense of the poor workers. The Honourable Minister and the Government should see that the people of Penang are given a living so that we will not be creating a social problem.

Sir, we have to charge that the Central Government is gradually choking the State of Penang, strangling its economy to warn the people that in future elections the people of Penang should vote the Alliance, Sir, the political manipulation and manoeuvring of the Alliance is partly destroying the State of Penang and the livelihood of the people of Penang.

At every meeting at every Session of Parliament we find that Motions are tabled by the Minister of Finance to add to the Customs List various articles and finally to eradicate completely the free port status to make Penang, as I have always said, a fishing village. Mr Speaker, Sir, we only ask the Federal Government to be more considerate and you cannot win the hearts and minds of the people of Penang by direct and indirect pressure of this nature. This will only drive the people into frustration and disillusion and this may even eliminate the small element of sympathy which they may have for the Alliance Government. Sir, I strongly oppose this Motion.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, apa yang di-bahaskan oleh kedua² Ahli Yang Berhormat tadi ada-lah perkara lama juga, yang di-ulangkan ber-

balek², bahkan dalam Dewan ini sa-bentar tadi ahli D.A.P. pun berchakap highly repeated—berulang².

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat pun berchakap berbalek², berulang-alek, sa-kali dalam bahasa Malaysia, di-ulang balek dalam bahasa Inggeris. Pendek-nya tidak ada apa argument yang baharu yang di-kemukakan oleh kedua² Ahli Parti Pembangkang tadi. Dia menuduh dengan perkataan: I accuse dan dengan perkataan bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat: I charge, tidak-lah bererti pehak Kerajaan akan sa-makin lemah, sa-balek-nya dengan "I accuse, I accuse", Parti D.A.P. sa-makin lemah, orang-nya pun sa-makin hilang daripada parti-nya. Dan parti yang di-wakili oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat pun yang dahulu-nya dia sama, dengan I charge, I charge, sa-makin lemah parti-nya dan dia pun bertukar warna macham chichak kubing nampak-nya.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Dewan ini kita nampak, kalau saya tidak hendak accuse dan saya tidak hendak charge, tetapi saya suka-lah menyatakan bahawa kedua² Ahli Yang Berhormat itu ada-lah parochialist atau pun ultra parochialist, bukan nationalist. Kita memikirkan, menimbang perkara² berdasarkan atas pandangan sa-bagai untuk kepentingan negara seluruh-nya, tetapi mereka sa-mata² berfikir kapada Pulau Pinang, itu pun Pulau Pinang, bagi mereka itu ia-lah hanya Pulau Pinang, mereka lupa kebahagiaan kapada negeri Pulau Pinang itu terletak di-dalam tanah besar Malaysia Barat.

Ini-lah saya katakan kedua² mereka ini bukan nationalist, tetapi ada-lah ultra parochialist, dan ini lagi menyebabkan pandangan di-dalam D.A.P. dan PEKEMAS ada-lah bertentangan antara satu sama lain, sebab kedua² parti nampak-nya tidak mempunyai pandangan yang bersifat national.

Satu perkara lagi yang hendak saya sebutkan, ia-itu kedua² Ahli Yang Berhormat ini maseh lagi belum dapat melepaskan pemikiran-nya atau mentality-nya daripada colonial mentality ya'ani mentality daripada masa Straits Settlements dahulu. Pada hal kedua²nya mengaku penentang penjajahan, penentang colonial, tetapi mentality mereka dahulu yang patut di-kikis.

Yang ketiga-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah perkara tuduhan ya'ani Kerajaan Pusat

hendak menghancurkan kehidupan orang² yang ada di-Pulau Pinang. Kalau sa-kira-nya Kerajaan Pusat hendak menghancurkan kehidupan orang² yang ada di-Pulau Pinang, maka tentu-lah Parti Perikatan tidak masuk di-dalam Kerajaan Champoran di-Pulau Pinang untuk memerintah Pulau Pinang untuk menolong ra'ayat yang ada di-dalam Pulau Pinang. Ini sudah cukup menjadi bukti bahawa tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat itu ada-lah tidak logik sama sa-kali.

Yang akhir-nya ia-lah Ahli Yang Berhormat daripada Parti D.A.P. maseh belum lupa lagi akan ancestors-nya, sedikit² banding dengan Singapura. Jadi saya berharap Ahli Yang Berhormat itu dapat melupakan ancestors-nya, ya'ani Parti D.A.P. di-Singapura, kita di-Malaysia, sedikit² banding dengan Singapura. Jadi, ini membayangkan akan ta'at setia Anggota² D.A.P. yang ada di-dalam Dewan ini lebih kepada Negeri Singapura, tetapi tidak kepada Negeri Malaysia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menolong ra'ayat Pulau Pinang sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ketahui, ia-itu Kerajaan Pusat dan juga melalui Parti Perikatan yang sama² memerintah di-dalam Kerajaan Champoran di-Pulau Pinang sedang memikirkan dan akan mengambil langkah yang lebih positif, yang lebih besar lagi untuk mengatasi masalah² yang ada di-Pulau Pinang walau sa-kali pun Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat dan wakil daripada D.A.P. itu tidak bersetuju, itu ada-lah soal lain. Jadi, Kerajaan Pusat yang di-bawah pemerintahan Kerajaan Perikatan dan juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang, ya'ani Kerajaan Champoran dengan Kerajaan Perikatan itu terus-menerus menjalankan langkah² untuk menolong kehidupan ra'ayat yang ada di-dalam Pulau Pinang.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kepadanya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2) 1972 yang telah di-bentangkan dihadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 19 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA CHUKAI JUALAN, 1972

Perintah Chukai Jualan (Kadar Chukai), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kepadanya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 15, Akta Chukai Jualan, 1972, Perintah Chukai Jualan (Kadar Chukai), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 20 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah yang ada di-hadapan Majlis ini ia-lah untuk melaksanakan cukai jualan sa-banyak 5% yang telah di-umumkan dalam ucapan Belanjawan Menteri Kewangan pada 6hb Januari tahun ini. Oleh kerana langkah ini telah pun di-bahaskan dengan panjang lebar, di-dalam dan luar Majlis ini, maka tidak payah-lah saya membuang masa Majlis ini dengan memberi ulasan lagi tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, kami daripada Parti PEKEMAS membangkang usul ini. Parti kami membangkang usul ini ia-lah kerana parti kami tidak bersetuju di-kenakan cukai 5% ka-atas barang², ia-itu sales tax. Dengan sebab itu-lah parti kami membangkang usul ini atas nama Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan telah mengenakan cukai 5%, harga barang² di-negara kita sudah naik. Nampak-nya sekarang bukan sahaja barang² telah di-kenakan cukai sa-banyak 5%, tetapi barangkali boleh di-katakan naik sa-hingga 20%. Di-dalam negara kita ini banyak di-dapati ra'ayat yang hidup-nya miskin dan susah. Bagi orang² kaya dan orang² yang ada mempunyai modal mereka boleh hidup di-dalam tanah ayer kita ini, tetapi bagi orang² miskin kehidupan-nya bertambah² susah apabila di-kenakan cukai ka-atas barang² makanan yang hampir² 20%.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, my Party opposes this Motion because in the beginning we had opposed also the introduction of the sales tax. The sales tax of 5% has now been

multiplied by most of the business community and it has been passed on at 20% to the consumers. It largely, of course, affects the poorer section of the community and the workers at large and we have repeatedly emphasised that in any such form of taxation normally the poorer people would become the victims. The Government could have found many ways to raise enough revenue, but they thought it fit to introduce a method which has now affected the poor people largely; from sugar to other essential commodities and essential requirements of daily life have increased in price by 20%. The Ministry of Finance, of course, has made on many occasions a number of assurances to keep the prices under control, but has failed to check the rise in prices and the cost of living caused by this tax. If the Government allows the present situation to continue, on the one side, keeping the wages where they were and, on the other, allowing the taxes to be increased by allowing the business community to increase as they want to increase the prices, the sufferers will be the poor, the weak, the defenceless and the needy people. The Government's declaration of bridging the gap between the "haves" and the "have-nots" cannot materialise if this state of affairs continues. I humbly request the Minister to reconsider the entire question of the sales tax and also to seriously think in controlling prices effectively by enforcing every measure that the Government has as effectively as possible.

The Minister, of course, has been doubting whether we are nationalists or not. Sir, I must tell at this juncture that as far as we are concerned, we are nationalists; we are more interested than the Minister in this country and that is the reason we are here to say that the 5% sales tax is anti-social and also anti-national. If we are going to have a peaceful and harmonious society, I think this 5% sales tax should be eliminated.

Mr Speaker, Sir, the price of some commodities such as salted fish and ikan bilis, which was once 80 cents, has now gone up to \$2.50. If we comment on sugar the Minister, of course, will say the price has been internationally controlled, but I do not think there is any international control on salted fish. So this is a clear and glaring example that prices of essential requirements have gone up by more than 20% and the poor workers' salaries remain the same. In view of this, Sir,

I strongly oppose this Motion and I also urge that the Minister should reconsider the question of the 5% tax, at the same time taking effective measures to control prices, especially of essential commodities. Thank you, Sir.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu ada dalam Dewan ini pada petang samalam waktu Kerajaan menggulong perbahathan mengenai Titah Uchapan di-Raja, maka tidak perlu-lah Ahli Yang Berhormat berchakap sa-bagaimana yang dia berchakap pada petang ini, sebab perkara² yang di-timbulkan-nya sa-bentar tadi telah di-huraikan pada petang samalam waktu saya menggulong perbahathan mengenai perbahathan² mengenai kedua² Kementerian ia-itu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Kewangan. Saya juga telah menerangkan mechanism harga² dan juga kenaikan harga² tetapi malang-nya Ahli Yang Berhormat itu hanya interested berchakap tetapi tidak ada interest langsung untok mendengar penjelasan daripada Kerajaan. Oleh kerana yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, tinggal Ahli Yang Berhormat itu ignorance sa-lama²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan barang² keperluan harian terutama sa-kali barang² makan dan minuman yang penting bagi ra'ayat jelata yang sekarang tidak-lah di-kenakan chukai jualan. Jadi sa-panjang yang berkenaan dengan chukai jualan tidak-lah menyusahkan ra'ayat jelata yang miskin oleh kerana kita semua ketahu² sa-bahagian yang besar daripada perbelanjaan ra'ayat jelata yang miskin ada-lah berkenaan dengan barang² makanan serta minuman yang kebanyakan-nya kalau tidak patut di-katakan seluroh-nya ada-lah terkechuali daripada chukai jualan. Kalau kita menghapuskan sa-kali pun chukai jualan, maka ini tidak kena kapada ra'ayat jelata yang banyak. Boleh jadi ini akan merengankan beban Ahli Yang Berhormat dari Dato Keramat, sebab dia tentu hendak membeli motor car, hendak T. V. besar, hendak membeli radio besar, hendak stereo atau pun hendak beli benda² lain. Saya berharap kapada Ahli Yang Berhormat itu jangan-lah menggunakan ra'ayat jelata yang miskin untok dia yang tidak mahu bayar chukai lebeh.

Semalam saya sudah terangkan tentang mechanism harga gula dan hari ini di-sebutkan lagi tentang harga gula, harga ikan bilis, harga ikan kering dan sa-bagai-nya. Tentang harga gula, saya sudah terangkan, saya tidak hendak ulang lagi dan saya harap Ahli Yang Berhormat itu bacha-lah Hansard atau pun Hansard sementara tentang harga ikan bilis, ikan kering ini, harga² ini kalau pun naik tidak ada kena-mengena dengan chukai jualan. Sebab chukai jualan tidak di-kenakan atas ikan bilis, ikan kering atau pun ikan masin. Saya berharap Ahli Yang Berhormat itu faham simple logic dan juga kalau-lah sa-kira-nya harga ikan kering dan ikan bilis ini naik asalkan tidak melampau pada saya, Ahli Yang Berhormat itu tidak harus menentang. Kita pun suka juga-lah nelayan² kita terutama sa-kali nelayan² kechil di-Pantai Timor juga termasuk nelayan² kechil di-Pulau Pinang mendapat pendapatan yang lebeh sedikit oleh kerana harga ikan bilis, harga ikan kering naik sedikit. Ada-kah ini berarti Ahli Yang Berhormat dari Dato' Kramat menentang nelayan kita mendapat pendapatan yang lebeh?

Kemudian tentang chukai jualan ini, ada anti-sosial, dan sa-bagai-nya, saya fikir ini tidak payah di-jawab, kerana tidak ada hujah² atau pun argument di-kemukakan sa-lain daripada membuat wild and sweeping statement oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam Sekshen 15, Akta Chukai Jualan, 1972 Perintah Chukai Jualan (Kadar Chukai), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 20 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut Kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam

Sekshen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. ST. 23/72 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah ini di-sediakan untuk pindaan² berikut:

- (i) Pada 16-9-1971 gas oxygen di-bawah Nombor Kepala 28.04 100 telah mula di-kenakan duti impot sa-banyak 10% di-Sabah untuk memberi perlindungan tarif kapada Sharikat mengeluarkan gas tersebut di-Sabah. Kemudian-nya di-dapati bahawa kadar duti ini tidak-lah menchukupi kerana maseh banyak barang tersebut di-impot dengan murah-nya dari Singapura. Untuk memberi perlindungan yang lebeh berkesan lagi, maka duti impot itu di-naikkan kapada 40%.
- (ii) "Rubber solutions or dispersions" yang sekarang ini di-beri Nombor Kepala 40.06 100 ada-lah juga di-kenakan duti impot tertentu sa-banyak \$4 satu galen dan tidak di-hadkan kapada duti *ad valorem* sa-banyak 25% sahaja.
- (iii) Duti impot atas "glazed floor, hearth and wall tiles" di-bawah Nombor Kepala 69.08 100 ada-lah di-pinda dari 25% atau \$89.60 atau tan kapada 25% atau 15 sen satu paun.
- (iv) "Screw tapered and pointed", yang panjang-nya tidak lebeh 3 inchi di-bawah Nombor Kepala 73.32 210 yang tidak berduti impot ada-lah di-kenakan duti sa-banyak 25%.
- (v) Semua motor leterik dari $\frac{1}{4}$ hingga 20 kuasakuda ada-lah di-kenakan impot sa-banyak 30%. Dahulu-nya chuma motor² hingga 2 kuasakuda sahaja yang berduti sa-banyak 20%. Alat² belahan bagi motor² perlu juga di-kenakan duti. Jika tidak, perlindungan tarif yang di-beri atas motor² itu tidak akan berkesan.
- (vi) Duti impot atas beres untuk kegunaan toilet di-bawah Nombor Kepala 96.02 200 ada-lah di-pinda dari \$3 satu dozen kapada 10% sahaja mengikut kadar duti di-atas lain² jenis beres yang tidak ada di-keluarkan dalam negeri ini.

- (vii) Beros tandas di-bawah Nombor Kepala 96.02 400, yang ada di-keluar-kan dalam negeri di-pinda dari 10% kepada \$3 satu dozen.

Pindaan² ini di-buat untuk memberi perlindungan tarif yang sesuai dan lebeh berkesan kepada perusahaan² dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut Kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. ST. 23/72 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. ST. 24/72 tahun 1972 di-sahkan.

Tujuan Perintah ini ada-lah untuk memasukkan satu definisi mengenai kuasa-kuda bagi enjin² disel di-bawah Nombor Kepala 84.06. Dengan ada-nya definisi ini, maka pengimpot² mesti-lah mengikrarkan enjin² yang di-impot oleh mereka itu mengikut kuasakuda enjin² itu apabila di-jalankan "at maximum continuous horsepower". Tanpa definisi tersebut, pengimpot telah pada masa yang lalu mengikrarkan enjin² berdasarkan kapada "intermittent horsepower rating" dan keadaan ini ada-lah mengancam perusahaan memasang enjin² disel dalam negeri yang telah di-beri perlindungan tarif oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap chuma sadikit sahaja ia-itu mengambil ingatan supaya jika ada tariff protection untuk barang² ini, maka di-harap ia-itu kawalan penjualan. Jika tidak, harga barang² ini akan naik, oleh sebab pengeluaran barang² itu tahu ia-itu tidak dapat kita beli daripada luar negeri, kalau di-beli pun mereka terpaksa membayar 30% lebeh. Pada hari ini mithal-nya satu enjin diesel harga-nya \$1,000 tetapi apabila di-taroh tariff esok, harga-nya pun naik sampai \$1,300. Ini bukan apa, oleh kerana dalam pembangunan negeri ini, maka kita hendak menengok bukan sahaja kapitalis² kilang itu membuat duit, tetapi juga kita hendak menengok mithal-nya motobot² ra'ayat yang menangkap ikan supaya mereka itu dapat membeli harga yang murah. Oleh kerana apabila enjin² itu di-buat dalam negeri kita, jangka-nya ada-lah lebeh murah lagi daripada kita ambil daripada luar negeri, kita impot daripada luar negeri, bagitu juga barang² yang lain. Saya harap Kementerian yang berkenaan mengambil ingatan di-atas perkara ini.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan bagi barang² yang di-buat atau di-pasang di-dalam negeri ini yang mendapat perlindungan ya'ani protection atau pun galakan ya'ani incentive daripada Kerajaan, maka pehak pengilang² ini tidak boleh menaikkan harga barang²-nya dengan sa-suka hati. Mereka kena-lah mendapat kebenaran terlebeh dahulu daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengkaji sama ada menasabah atau tidak atas kenaikan harga, kalau sa-kira-nya di-dapati sebab² yang mendesak, maka baharu-lah dibenarkan kenaikan harga barang² tersebut. Kenaikan harga barang² ini ada beberapa sebab sa-bagaimana yang telah di-terangkan beberapa kali. Dan dalam hal enjin ini mithal-nya enjin diesel ini sa-bagai chontoh-nya kilang² yang ada dalam negeri kita ini hanya memasang ia-itu assemble sahaja. Bahan² belahan atau pun component part-nya telah di-bawa masuk daripada negeri²

yang maju. Jadi erti-nya kalau berlaku infelasi (inflation) atau pun kenaikan harga barang² component atau barang² belahan ini di-negeri² asal-nya itu, maka terpaksa-lah ongkos pengeluaran barang² yang kita pasang di-dalam negeri kita ini terpaksa naik. Dan sa-bagaimana yang kita semua ketahui kebanyakan negeri² yang maju yang industrialise dalam dunia pada masa sekarang ini, terutama sa-kali negara² yang bukan kominis ada-lah mengalami inflation yang sangat burok dan ini chara tidak langsung memberi akibat yang burok kepada negara kita. Dan ini-lah yang kadang² kita katakan di-luar kekuasaan Kerajaan kita. Dengan demikian ada hujah yang mengatakan kenapa kita tidak impot terus sahaja daripada luar negeri. Kalau kita impot terus sahaja dari luar negeri ya'ani yang sudah lengkap di-pasang, harga-nya pun naik juga tidak ada beza dengan kita impot bahan belahan ya'ani component part di-pasang dalam negeri ini, harga-nya pun naik juga. Ini tidak dapat di-elakkan. Satu daripada chara mengatasi-nya ia-lah dengan chara membuat component part-nya itu di-dalam negeri kita sendiri kita tidak terta'alok kepada inflation yang ada di-negeri² yang fully industrialise ini. Dalam hal ini pehak Kerajaan kita memang menggalakkan bahkan sangat di-pengarohi supaya kilang² walau pun pada peringkat permulaan-nya kilang ini hanya memasang sahaja dahulu. Bahan² belahan atau component part itu di-bawa daripada negeri² yang maju ya'ani industrialise tetapi sa-chara beransor² pehak Kerajaan menggalakkan atau pun sa-chara peringkat², beransor² supaya matlamat kita sa-berapa boleh pada akhir-nya dan dalam masa sa-berapa chepat bahan belahan atau component part itu hendak-lah di-buat di-dalam negeri kita ini. Dalam jangka panjang ini satu chara kita hendak mengelakkan daripada mendapat jangkitan penyakit inflation yang di-alami oleh negeri² yang highly industrialise, terutama sa-kali negeri² yang bukan kominis sama ada di-negeri Jepun atau Eropah Barat atau pun negeri di-Benua Amerika.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. ST. 24/72 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. ST. 25/72 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah ini di-buat untuk menaikkan duti² impot atas "Unbleached, bleached and dyed cotton duck" di-bawah Nombor² Kepala 55.09 110,55.09 310 dan 55.09 320 dari 25% atau 10 sen satu ela persegi kapada 35% atau 25 sen satu ela persegi yang mana lebih tinggi dan atas "tarpaulins" di-bawah Nombor Kepala 62.04 100 dan "canvas web/webbing straps" di-bawah Nombor Kepala 62.05 300 dari 25% kapada 35% atau 25 sen satu ela persegi yang mana lebih tinggi. Kenaikan duti² impot atas barang² ini adalah untuk memberi perlindungan tarif yang sesuai kapada perusahaan² tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani bin Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. ST. 25/72 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh sekshen-kechil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. ST. 26/72 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah ini di-sediakan untuk membuat pindaan² kapada Perintah Duti Kastam, 1969, selaras dengan pindaan² yang telah di-buat kapada Brussels Nomenclature diatas mana tarif di-negeri ini di-dasarkan. Tujuan-nya ada-lah untuk meminda Nota² kapada Bab² dan Perihal² kapada Nombor² Kepala yang tertentu yang terdapat dalam Perintah Duti Kastam, 1968, Pindaan² tersebut, walau bagaimana pun, tidak-lah melibatkan apa² perubahan tentang kadar² duti impot atau eksepot.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh sekshen-kechil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. ST. 26/72 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh sekshen-kechil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1972 yang

telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. ST. 27/72 tahun 1972 di-sahkan.

Tujuan Perintah ini ada-lah untuk mengenakan duti impot atas "abrasive paper, abrasive cloth" dan "waterproof abrasive paper" di-bawah Nombor Kepala 68.06 000 sa-banyak 20% atau 20 sen satu ela persegi yang mana lebeh tinggi bagi memberi perlingdangan tarif kapada perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh sekshen-kechil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. ST. 27/72 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3) 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh sekshen-kechil (2) dalam Sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. ST. 28/72 tahun 1972 di-sahkan.

Tujuan Perintah ini ada-lah untuk melanjutkan duti² impot ka-Pulau Pinang atas "rubber solutions or dispersions" di-bawah Nombor Kepala 40. 06 100, "screws tapered and pointed, of a length not exceeding 3 inches" di-bawah Nombor Kepala 73. 32 210, "electric motor of $\frac{1}{4}$ horsepower up to 20 horsepower and parts" di-bawah Nombor² Kepala 85. 01 520, 85. 01 530 dan 85. 01 920 dan "lavatory and other brushes" di-bawah

Nombor² Kepala 96. 02 400 dan 96. 02 900. Duti² impot ini di-kenakan untuk memberi perlindungan tarif kepada perusahaan² tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-
chadangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-
setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. ST. 28/72 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan)
(No. 4) 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-
chadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. ST. 29/72 tahun 1972 di-sahkan.

Tujuan Perintah ini ada-lah untuk melanjutkan duti² impot ka-Pulau Pinang atas mentega, "tarpaulin" dan "canvas web/webbing straps" bertujuan untuk perlindungan tarif kepada perusahaan² tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-
chadangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perkara ini, oleh kerana untuk mengingatkan, ia-itu jikalau ada perlindungan tarif di-atas perkara² ini, maka Kementerian yang bertanggung-jawab mesti-

lah menengokkan supaya barang² ini, yang di-keluarkan oleh kilang² tersebut saperti mentega dan sa-bagai-nya hendak-lah barang itu mutu-nya tidak mundur daripada yang lalu, kerana apabila ada perlindungan tarif ini, maka kilang² yang membuat barang² itu tidak memperdulikan, jikalau mutu barang²-nya kurang pun orang terpaksa membeli, oleh kerana tidak dapat di-beli daripada luar negeri. Itu ada-lah ingatan saya supaya berhati² di-atas perkara ini.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kaseh atas pandangan Ahli Yang Berhormat itu dan saya suka menjelaskan, ia-itu kita memang ada badan ia-ini Standard Institute untuk menjaga mutu (standard) barang² keluaran dalam negeri ini. Jadi, kita berharap sa-makin lama sa-makin banyak pengalaman kita, sa-makin chekap dan sa-makin terator kita menjaga mutu (standard) barang² keluaran dalam negeri kita. Dengan menaik-kan tarif atau pun chukai² impot tidak-lah berma'ana barang² daripada luar negeri itu tidak ada. Barang² daripada luar negeri itu boleh dapat di-beli juga, tetapi harga-nya terpaksa-lah mahal kerana kita menaikkan chukai dengan tujuan kita hendak lebeh menggalakkan orang² membeli barang² buatan tempatan. Jadi, bukan-lah erti-nya kita tidak boleh dapat barang² daripada luar negeri—boleh dapat, tetapi kalau hendak juga barang luar negeri, kena-lah membayar lebeh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-
setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. ST. 29/72 tahun 1972 di-sahkan.

ORDINAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA, 1951

Pindaan kepada Jadual Pertama

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-
chadangkan:

Menurut peruntukan Sekshen 22 (2),
Ordinan Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja 1951, Majlis ini mengambil ketetapan bahawa perintah yang di-buat oleh Menteri Kewangan di-bawah Sekshen 22 (1) Ordinan itu, meminda Jadual Pertama Ordinan itu, lihat P.U. (A) 11/72 dan (di-bentangkan di-dalam Dewan Ra'ayat sa-bagai Kertas Statut Bil. ST. 13/72), ada-lah dengan ini di-luluskan dan hendak-lah di-sifatkan mula berkuatkuasa pada 1hb Disember, 1970.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan perintah ini ia-lah untuk mengecualikan pekerja² dagang ya'ini expatriate dari mencharum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, dengan meminda Jadual Pertama Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum Jadual Pertama kepada Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja itu telah di-pinda sa-belum ini bagi membolehkan pekerja² yang berpendapatan lebih daripada \$500 sa-bulan menjadi pencharum. Pindaan ini, di-wartakan sa-bagai P.U. (A) 289/70, telah di-bentangkan di-dalam Dewan Ra'ayat sa-bagai Kertas Statut No. ST. 6/71 dan telah di-luluskan. Pindaan ini bererti mulai dari 1hb Disember, 1970, semua pekerja², tidak kira banyak-nya gaji mereka, di-kehendaki mencharum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Ini termasuk-lah pekerja² dagang ya'ini expatriate, yang sa-bahagian besar-nya, jika tidak semua, telah pun mencharum kepada kumpulan wang simpanan di-negeri² asal mereka. Oleh kerana kumpulan² wang ini tidak merupakan "Kumpulan Wang Yang Di-luluskan", seperti yang di-ta'ariskan di-dalam Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, di-mana charuman² itu mengecualikan pekerja² dagang berkenaan dari mencharum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, kebanyakan-nya, jika tidak semua, pekerja² dagang, di-kehendaki mencharum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Ini telah menimbulkan kesulitan² bagi kedua² pihak, ia-itu kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan pekerja² dagang yang berkenaan itu. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di-kehendaki menerima charuman pekerja² dagang sa-lama beberapa tahun mereka bekerja di-Malaysia, dan memulangkan balek charuman kepada pekerja² dagang itu apabila mereka meninggalkan negeri ini. Sa-balek-nya pekerja² dagang itu di-kehendaki membuat charuman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sa-bagai

tambahan kepada charuman² yang telah di-jelaskan untuk kumpulan wang simpanan di-negeri asal mereka.

Sa-bagaimana Dewan ini sedia ma'alum salah satu daripada tujuan Utama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ada-lah untuk menyediakan jaminan masa tua bagi pekerja². Menghendaki pekerja² dagang mencharum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak akan menolong menchapai tujuan di-atas. Pekerja² dagang ini telah pun di-bayar gaji yang berchukupan, dan masa tua mereka di-kawal oleh kumpulan wang simpanan di-negeri² asal mereka sendiri. Juga, oleh kerana mereka bukan warganegara Malaysia, soal menyediakan jaminan masa tua mereka bukan-lah tanggung-jawab Kerajaan kita. Oleh hal yang demikian, ada-lah di-fikirkan bahawa pekerja² dagang patut-lah di-kecualikan dari mencharum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kita. Oleh itu, satu pindaan kepada Jadual Pertama telah di-buat dalam bentuk Perintah, mengikut per-untukan² Sekshen 22 (1) Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951. Ini telah di-siarkan sa-bagai P.U. (A) 11/72 pada 13hb Januari, 1972 dalam *Warta Kerajaan*.

Sekshen 22 (2) Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951, menghendakkan supaya satu pindaan yang di-buat oleh Menteri Kewangan di-bawah Sekshen 22 (1) Ordinan tersebut di-bentangkan di-dalam Dewan Ra'ayat. Pindaan ini di-bentangkan di-dalam Dewan Ra'ayat sa-bagai Kertas Statut No. ST. 13/72.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah menyokong di-atas perkara ini. Tetapi chuma satu perkara, orang² dagang yang bekerja di-negeri kita ini chukop ramai, kalau kita banchikan beribu² orang yang datang bekerja di-negeri kita ini dan wang-nya akan di-potong mithal gaji-nya \$1,000.00 entah berapa dia terpaksa menyimpan dan pula orang yang mengambil dia bekerja menyimpan pula berapa banyak. Kemudian sa-lepas tiga atau empat tahun, mungkin selalu-nya tiga tahun, balek ka-negeri dia, wang ini akan keluar—keluar

daripada EPF dan wang akan di-bawa-nya balek ka-negeri-nya. Jadi, kalau begitu ramai-nya pegawai² dagang atau pekerja² dagang bekerja di-negeri ini berapa banyak yang akan di-bawa wang kita ka-luar negeri. Saya takut nanti merosot wang kita dalam negeri. Jadi, saya minta-lah keterangan daripada Menteri yang bertanggung-jawab itu, adakah perkara ini baik atau tidak, di-harap mendapat penerangan sedikit.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang telah saya katakan tadi, tujuan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini, ia-lah untuk menjamin masa tua pekerja² itu. Bagi ra'ayat negeri ini memang-lah menjadi tanggung-jawab Kerajaan kita, tetapi bagi pegawai² dagang atau pun pegawai² dan juga pekerja² expatriate, ini bukan tanggung-jawab kita. Masa tua mereka itu ada-lah tanggung-jawab Kerajaan negeri² mereka sendiri bukan tanggung-jawab Kerajaan Malaysia.

Yang kedua-nya, pegawai² dagang ini datang bekerja di-sini biasa-nya sa-chara kontrak sama ada sa-bagai doktor-kah, sa-bagai pakar² bekerja sama ada dengan Kerajaan atau pun dengan sharikat².

Jadi mereka ini bekerja beberapa tahun sahaja dan memang-lah dasar Kerajaan menggalakkan jawatan² yang mustahak ini sa-bberapa chepat di-ambil oleh anak² negeri. Oleh kerana mereka ini sa-kejap sahaja dalam negeri kita ini, maka charuman duit mereka itu tentu-lah tidak sa-banyak mana. Tetapi dari segi pentadbiran akan melebehan kerja² pentadbiran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ia-itu EPF kita. Dengan demikian ongkos pentadbiran akan tinggi. Tetapi kalau kita kechualikan mereka ini daripada mencharum, tentu-lah ongkos pentadbiran kita di-kurangkan.

Yang lagi satu tentang wang kita keluar negeri. Tuan Yang di-Pertua, begitu bagini gaji pegawai² dagang atau expatriate ini memang kita bayar. Walau bagaimana pun mereka tentu-lah berhak di-bawah undang² kita bagi mereka hendak bawa keluar balek wang yang mereka dapat sa-bagai gaji, elaun dan sa-bagai-nya itu sa-masa mereka bekerja di-dalam negeri kita ini.

Tentang kebimbangan Ahli Yang Berhormat itu, ini akan mengurangkan foreign exchange atau pun akan merosakkan balance of payment kita. Sa-panjang² yang telah

berlaku, sa-bagaimana yang kita tahu ia-itu keluar-nya wang sa-chara demikian itu tidak-lah sedikit pun menjejaskan kedudukan foreign exchange atau pun reserve atau pun balance of payment negara kita. Sa-balek-nya foreign exchange kita atau pun foreign reserve kita ada-lah bertambah² pada tiap² 6 tahun. Saya berharap Ahli Yang Berhormat itu dapat menghilangkan rasa kebimbangannya berkenaan dengan kedudukan foreign exchange atau pun foreign reserve atau pun balance of payment kita.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Menurut peruntukan Sekshen 22 (2) Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951, Majlis ini mengambil ketetapan bahawa perintah yang di-buat oleh Menteri Kewangan di-bawah Sekshen 22 (1) Ordinan itu, meminda Jadual Pertama Ordinan itu, *lihat* P.U. (A) 11/72 (dibentangkan di-dalam Dewan Ra'ayat sa-bagai Kertas Statut Bil. 13/72), ada-lah dengan ini di-luluskan dan hendak-lah disifatkan mula berkuatkuasa pada 1hb Disember, 1970.

AKTA PERATORAN KEWANGAN, 1957

Meminda Jadual Kedua Akta Peratoran Kewangan, 1957

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa menurut Sekshen 10 (4) (a) Akta Peratoran Kewangan, 1957, Jadual Kedua akan di-pinda dengan di-mansokhdan kumpulan wang yang di-namakan Kira² Perniagaan Jabatan Bekalan serta di-gantikan dengan Kumpulan Wang yang di-namakan Kira² Perniagaan Bahan² Asasi.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum bekalan bahan² asasi dalam negeri ini ada-lah di-awasi dengan rapi oleh Kerajaan untuk menentukan supaya ada bekalan yang chukop untuk pengguna² di-seluruh negeri. Memang tidak perlu di-nyatakan bahawa bahan² asasi terutama sa-kali bahan² makanan ada-lah sangat² penting kapada kehidupan harian penduduk² negeri ini dan ada-lah tanggung-jawab kita semua menjaga supaya pengguna² tidak di-peras dalam perkara ini. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah

mengambil langkah² menentukan supaya bekalan bahan² asasi yang chukop sedia ada dengan harga yang berpatutan kepada pengguna². Pengeluar² tempatan telah di-minta mengeluarkan jumlah yang mencukupi untuk menemui atau memenohi keperluan pada tiap² masa. Walau bagaimana pun bagi bahan² yang bergantung kepada bahan² mentah yang di-impot, usaha² kita telah tersekat oleh kuasa² yang luar kawalan kita. Khusus-nya saya merojokkan kepada keadaan pasaran gula sekarang dan di-sini perlu dinyatakan bahawa kesukaran yang di-alami oleh penapis² gula tempatan sekarang adalah di-sebabkan oleh faktor² luar negeri. Pada masa sekarang harga gula mentah dalam pasaran dunia ada-lah dua kali ganda daripada harga pada akhir tahun 1971. Sa-lain daripada masalah ini peniaga² kita ada juga menyebabkan desakan atas bekalan tempatan dengan mendesak penapis² tempatan untuk memberi bekalan berlebehan dari apa yang biasa-nya di-perlukan. Dalam keadaan yang demikian, saya mema'alumkan kepada Dewan ini bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang memperhebatkan usaha² untuk memberhentikan perdagangan² dari membuat keuntungan dan simpanan yang berlebehan.

Dalam keadaan ini, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk champor tangan dalam pasaran gula untuk menentukan supaya tidak berlaku kekurangan bahan ini. Satu simpanan gula telah di-adakan dengan dua tujuan. Pertama untuk menentukan bekalan bahan ini ada-lah mencukupi terutama di-Kawasan² yang kekurangan bekalan di-sebabkan masalah pengeluaran salah satu sharikat penapis tempatan. Dan kedua untuk menambah bekalan yang chukop di-pasaran supaya dapat menentang simpanan yang berlebehan bahan ini. Gula dari simpanan Kerajaan telah di-jual kepada Perbadanan Kemajuan Negeri yang bertanggung-jawab membahagikan-nya kepada pembahagi² dan juga penjual² runchit di-negeri masing². Kemasokan jualan ini di-pasaran dapat mengurangkan rasa chemas yang terdapat pada peniaga² yang sa-lama ini tidak mendapat bekalan yang chukop. Pada masa sekarang pelaksanaan atau pun operasi simpanan gula ini hendak-lah di-anggap sa-bagai satu langkah jangka pendek. Sunggoh pun begitu kita tidak dapat mengatakan sama ada keadaan yang sa-rupa tidak akan berlaku terhadap bahan² asasi yang lain yang meng-

hendaki champor tangan Kerajaan. Dengan sebab ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ingin memberi kuasa champor tangan ka-atas bahan² asasi dari sa-masa ka-samasa apabila keadaan memerlukan supaya bekalan yang chukop di-dapati dengan harga yang berpatutan. Ini menghendaki Kerajaan menjalankan operasi perniagaan ia-itu membeli dan menjual bahan² yang berkenaan. Untuk maksud ini ada-lah mustahak satu Kira² Perniagaan untuk bahan² asasi di-ujudkan di-bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Saperti Ahli² Yang Berhormat ma'alum Lembaga Padi dan Beras Negara telah ditubuhkan di-bawah satu Akta yang di-luluskan oleh Dewan ini dalam sidang-nya pada bulan Ogos, 1971. Lembaga ini di-tubuhkan akibat dari penyatuan antara Lembaga Pemasaran Padi dan Beras (FAMA) dengan bekas bahagian bekalan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Bahagian itu telah di-uruskan dengan satu kumpulan wang yang di-namakan Kira² Perniagaan Jabatan Bekalan bagi maksud membeli dan menjual beras dan padi untuk menjamin satu harga maksima di-lakukan bagi faedah penanam² padi kita. Penyelenggaraan Kira² Perniagaan Jabatan Bekalan yang telah di-gunakan untuk membayar semua kos operasi pelaksanaan bekalan itu tidak lagi di-kehendaki sekarang kerana tertuboh-nya Lembaga Padi dan Beras Negara yang operasi-nya terta'alok kepada satu kumpulan wang yang telah ditubuhkan di-bawah Akta Lembaga Padi dan Beras Negara. Oleh yang demikian, ada-lah perlu Kira² Perniagaan Jabatan Bekalan tersebut di-hentikan dan di-gantikan dengan Kira² Perniagaan bahan² asasi yang satu peruntukan permulaan sa-banyak \$15 juta ada-lah di-pinta untuk membuat pembelian dan penjualan gula.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah menyokong penoh di-atas perkara ini, tetapi kita telah berbahath berkenaan dengan harga gula dan juga pada satu masa dahulu ra'ayat di-seluruh Malaysia boleh di-katakan panic di-atas perkara gula ini. Oleh kerana kita ta' dapat gula di-pasar² dan pada hari ini kita dapati ia-itu harga gula telah naik. Tahun

dahulu refinery atau kilang² gula ini telah mengimpot gula masuk ka-negeri kita, tetapi gula ini maseh banyak lagi dalam stock-nya, oleh kerana pasaran dunia telah naik, maka jam itu juga gula di-naikkan.

Kalau tidak pun di-naikkan dengan serta-merta, maka di-minta-lah kapada Kementerian harga gula sekarang telah naik, maka dengan sebab itu kita hendak menaikkan harga gula. Maka saya fikir oleh kerana di-fikirkan oleh Kementerian maka harga gula memang sudah naik di-pasaran dunia, maka terpaksa-lah di-naikkan. Tetapi jika kita pereksa, tentu-lah stock gula-nya atau pun mentah-nya (raw sugar) banyak lagi di-dalam gudang², apa sebab harga gula mesti naik. Habiskan stock dia, baharu-lah di-naikkan, itu ta' menjadi apa.

Baharu² ini, saya dapat tahu mengenai raw sugar ia-itu gula merah. Gula merah ini ada, di-jual di-pasar². Jadi bagaimana gula merah ini dapat di-jual di-pasar² oleh kerana yang di-impot daripada luar negeri ini adalah gula merah dan apabila di-impot gula merah ini di-bawa ka-kilang, di-jadikan gula puteh, tetapi gula merah ini masuk ka-pasar tidak payah di-kilang lagi. Saya hendak mendapat tahu daripada Kementerian yang bertanggung-jawab bagaimana gula² merah ini dapat di-jual di-pasar² dengan tidak payah di-putihkan lagi.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perkara gula pasir yang merah itu ada di-pasar, memang-lah sa-lama-nya ada. Jadi tidak-lah baharu² ini sahaja yang ada. Sebab ada kala-nya, ada sa-tengah² orang untuk sa-tengah² tujuan, memilih/menggunakan gula merah. Jadi bukan-lah perkara baharu yang gula merah ini ada di-pasar.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan ia-itu mengikut Seksyen 10 (4) (a) Akta Peratoran Kewangan 1957, Jadual Kedua Akta tersebut ada-lah di-pinda dengan di-batalkan kumpulan wang "Supplies Department Trading Account" dan diganti bagi-nya "Kumpulan Wang Perniagaan Barang² Keperluan" (Essential Commodities Trading Account).

AKTA PARLIMEN (SARAAN AHLI²), 1960

Meminda Jadual Akta (Saraan Ahli²)
Parlimen, 1960

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pehak Perdana Menteri, mohon menchadangkan usul yang berikut:

Bahawa Dewan ini mengikut peruntokan seksyen 4 dalam Akta Parlimen (Saraan Ahli²), 1960 membuat ketetapan bahawa Jadual kapada Akta itu hendak-lah di-pinda saperti berikut:

Gantikan perkataan "tiga puluh lima" yang tersebut pada baris satu dan dua di-butiran-kechil (a) dalam butiran 10 dengan perkataan "lima puluh".

Kadar elaun sara hidup (subsistence) bagi Ahli² Parlimen ada-lah sa-banyak \$35 bagi tiap² dua puluh empat jam atau sa-bahagian daripada-nya, dalam tempoh mereka itu berada di-luar dari tempat kediaman mereka dengan kerana menjalankan tugas² rasmi saperti menghadiri meshuarat² Parlimen atau Jawatankuasa² Parlimen. Elaun sara hidup ini telah di-tetapkan semenjak Parlimen Pertama dalam bulan September 1959. Kerajaan telah bersetuju supaya kadar ini patut-lah di-pinda menjadi \$50, kerana di-fikirkan bahawa elaun sekarang sa-banyak \$35 itu tidak chukop bagi bayaran perbelanjaan hotel sa-masa mereka berada di-Kuala Lumpur kerana menghadiri meshuarat² Parlimen. Kadar ini juga agak padan dengan taraf dan kehormatan sa-saorang Ahli Parlimen itu supaya mereka dapat menginap di-hotel² kelas lebih baik. Ahli² Parlimen apabila menghadiri meshuarat² Parlimen memerlukan kemudahan yang sesuai dan menasabah supaya mereka dapat memberikan perkhidmatan yang sa-baik²-nya sa-bagai Ahli² Yang bertanggung-jawab. Ada-lah di-fikirkan juga menasabah dan berpatutan di-naikkan elaun sara hidup sa-banyak \$35 sekarang ini menjadi \$50.00.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya usul ini di-luluskan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang di-kemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan saya

bagi pehak Ahli² Perikatan menguchapkan berbanyak² terima kaseh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mem-persetujuan dengan permohonan daripada beberapa orang, khas-nya daripada saya sendiri yang telah pun meminta supaya di-tambah elaun ini. Dan saya perchaya dengan tambahan elaun ini, maka dapat-lah Ahli² Parlimen berkhidmat lebeh baik lagi dengan memberi perkhidmatan yang sa-penoh-nya sa-bagaimana yang di-kehendaki dan ini ada-lah satu chara yang mana pehak Kerajaan bertimbang rasa di-atas permohonan² yang sa-patut-nya, yang di-kemukakan kepada Parlimen. Jadi saya berharap pada masa yang akan datang akan di-pertimbangkan apa² juga permohonan yang di-fikirkan me-nasabah. Sa-kali lagi, saya bagi pehak Ahli² Parlimen menguchapkan terima kaseh.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Manan (Kapar): Tuan Yang Pertua, saya bangun menyokong dengan sa-penoh-nya usul ini, tetapi saya suka-lah hendak meminta Kera-jaan supaya menimbangkan bagi Ahli² yang dudok di-Kuala Lumpur, kerana saya rasa Ahli² yang dudok di-Kuala Lumpur pun hadir bersama² juga di-sini, dan dengan tidak mendapat apa² jua pun. Saya ada-lah sa-orang daripada-nya yang tidak mendapat elaun apa² jua, sa-masa saya menghadiri meshuarat di-Parlimen ini. Saya berharap-lah, kalau dapat perkara ini akan di-timbang-kan. Terima kaseh.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli² yang dudok di-dalam kawasan Kuala Lumpur, saya fikir dia tidak ada perbelanjaan tambahan (extra) untuk menghadiri sidang Parlimen, sebab dia datang dari Kuala Lumpur dan hadir meshuarat Parlimen di-Kuala Lumpur. Tetapi kalau sa-kira-nya dia ada pekerjaan Parlimen di-tempat² lain, ini boleh dia tuntutan. Jadi perkara ini, saya berasa duka-chita-lah kerana pehak Kerajaan ta' dapat menimbangkan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan sekshen 4 dalam Akta Parlimen (Saraan Ahli²) 1960 membuat ketetapan bahawa Jadual kapada Akta itu hendak-lah di-pinda saperti berikut:

Gantikan perkataan "tiga puluh lima" yang tersebut pada baris 1 dan 2 di-butiran

kecil (a) dalam butiran 10 dengan per-kataan "lima puluh".

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3), 1971

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa menurut Peratoran Meshuarat 67C Usul yang berikut ini di-serahkan kapada Jawatan-kuasa sa-sabuah Majlis.

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan ia-itu satu jumlah wang tambahan sa-banyak tidak lebeh daripada \$6,889,839 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan 1971, dan bagi maksud kepala dan pechahan²-kepala perbelanjaan tersebut di-ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perentah Bil. 15 tahun 1972, di-utokkan jumlah yang tersebut setentang dengan kepala dan pechahan-kepala di-ruangan lapan dan sembilan senarai itu.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Pem-bangunan Tambahan ketiga, 1971 yang di-bentangkan dalam Dewan ini sa-bagai Kertas Perentah Bil. 15 tahun 1972 menyediakan perbelanjaan tambahan sa-banyak \$6,889,839, ia-itu tambahan kapada peruntokan yang telah di-luluskan bagi tahun 1971. Jumlah sa-penoh-nya sa-banyak \$6,889,839 telah di-dahulukan daripada Simpanan Luar Jangka yang di-tunjokkan di-bawah Kepala 148 dalam Anggaran Pembangunan. Oleh itu ada-lah perlu untuk mengganti jumlah tersebut dengan anggaran tambahan.

Dari Anggaran yang di-bentangkan itu akan di-lihat bahawa jumlah yang terbesar tambahan ini ia-lah mengenai Kepala 138—Jentera² Kerja Raya, yang memerlukan peruntokan sa-banyak \$3,507,019 untuk menjelaskan perbelanjaan yang tidak dapat di-elakkan dalam tahun 1971 bagi membeli jentera² baharu dan kelengkapan untuk tujuan pembangunan.

Tambahan terbesar yang kedua ia-lah mengenai Kepala 117—Perbendaharaan, yang memerlukan peruntokan sa-banyak \$1,500,000 sa-bagai pinjaman kapada Kerajaan Negeri Trengganu untuk menjalan-kan ranchangan² tanah di-Negeri itu. Kepala 130—Haiwan, memerlukan peruntokan sa-banyak \$675,000 untuk mengganti kehilangan

lembu dan kerbau ketika berlaku-nya banjir dalam bulan Januari, 1971. Peruntukan sa-banyak \$645,100 ada-lah di-kehendaki bagi Kepala 103—Menteri Penerangan, bagi kerja² pembenaan dan membeli kelengkapan untuk Pusat Latihan Penyiaran di-Jalan Ampang. Kepala 118—Kastam dan Eksais Di-Raja memerlukan peruntukan sa-banyak \$512,700 bagi membeli lanchi², teropong² malam dan kenderaan² untuk kegunaan menchegehah penyeludupan di-darat dan di-laut.

Peruntukan tambahan lain yang kechil dan penerangan lanjut mengenai-nya ada-lah di-dapati dalam Memorandum Perbendaharaan yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 16 tahun 1972.

Peruntukan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi perbelanjaan dalam tahun 1971 termasuk tambahan yang di-kemukakan sekarang ini berjumlah semua-nya \$1,337.4 juta sa-lain daripada \$40 juta dalam Simpanan Luar Jangka. Namun demikian perbelanjaan sa-benar bagi tahun 1971 ada-lah di-anggarkan dalam lingkungan \$890 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyampaikan ucapan sa-tinggi² terima kasih daripada Kerajaan dan ra'ayat Trengganu kepada Kerajaan Pusat, terutama sa-kali kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga pemimpin² Kerajaan Pusat yang telah bermurah hati memberi pinjaman kepada Kerajaan Negeri Trengganu sa-banyak \$1,500,000 saperti yang terchatet dalam Kepala 117—Perbendaharaan itu bertujuan sa-mata² untuk membiayai ranchangan² tanah dalam Negeri Trengganu di-mana ketika pinjaman ini di-berikan oleh Kerajaan Pusat ia-lah di-sa'at Kerajaan Negeri Trengganu sangat² berkehendakkan kepada sumbangan yang saperti itu. Apa yang di-harapkan oleh Kerajaan Negeri Trengganu dan ra'ayat Trengganu pada masa ini sa-moga perhatian yang saperti ini bukan sahaja dapat di-beri pada tempoh yang tersebut, tetapi dapat di-ulang²kan lagi untuk masa² yang akan

datang kerana dengan keadaan Negeri Trengganu sekarang ini sangat²-lah meng-harapkan kepada pertolongan dan bantuan yang bagitu kuat daripada Kerajaan Pusat bagi membiayai ranchangan yang sedang di-susun dengan bagitu pesat sekarang ini.

Perkara yang kedua yang saya hendak sentoh, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah mengenai dengan Kepala 129—Perikanan. Mengikut perangkaan di-sini wang sa-banyak \$50,000 di-minta supaya Dewan ini melulus-kan kerana sa-bagai bantuan perlancharan kepada Lembaga Maju Ikan Malaysia yang telah di-tubuhkan di-bawah Akta Lembaga Maju Ikan Malaysia Bil. 49 tahun 1971 bagi membiayai perbelanjaan urusan Lembaga tersebut bagi tempoh sa-lama 3 bulan.

Apa yang saya hendak sentuhkan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah memandangkan Lembaga Perikanan ini sudah pun di-lancharkan dan wang sa-banyak \$50,000 telah di-belanjakan, tetapi apa yang di-tunggukan oleh kalangan kaum nelayan dengan perlancharan Lembaga Kemajuan Ikan atau pun Maju Ikan ini nampak-nya tidak sampai kepada apa yang sangat² di-harapkan oleh ahli² nelayan atau kaum nelayan supaya di-dalam tempoh Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini gulongan nelayan dapat mengubah keadaan-nya dengan bagitu chepat. Apa yang di-bimbangkan atau pun apa yang saya bimbangkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau di-dalam tempoh Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini chara kita menolong nelayan² sama saperti apa yang kita telah buat dalam tempoh Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama dahulu, maka kedudukan nelayan² akan ketinggalan-lah lagi sa-kali sa-telah gulongan² lain telah mendapat pembelaan yang bagitu baik oleh Kerajaan yang ada pada hari ini. Walau bagaimana pun, saya menaruh keyakinan bahawa Menteri yang berkenaan akan memberi perhatian yang bagitu berat kerana saya nampak ikan yang ada sekarang ini walau pun Yang Berhormat Menteri sudah mempunyai sa-orang Timbalan Menteri dan Timbalan Menteri itu di-tugaskan dengan kerja² yang khusus dengan Persatuan Peladang, tetapi nampak kedudukan Yang Berhormat Menteri sendiri maseh berlumba² juga menumpukan kepada kerja² Persatuan Peladang dengan mengurangkan kerja² mengenai dengan perikanan, pada hal walau

sudah di-beri satu tugas khusus kepada sa-orang Timbalan-nya yang bertanggung-jawab dengan kerja² Persatuan Peladang, maka ada lebih baik bagi beliau sendiri sa-bagai Menteri menumpukan sa-penoh² tenaga kepada kerja² yang berkaitan dengan perikanan ini supaya kita tidak merugikan wang membayar segala perbelanjaan elauⁿ kepada Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya-lah sa-mata² kerana menjalankan satu tugas yang sama.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Kepala 130—Haiwan, di-mana mengikut perenggan ini wang yang di-kehendaki sa-banyak \$351,500 untuk membiayai perbelanjaan mengganti lembu, kerbau yang kehilangan dalam masa banjir dalam bulan Januari, 1971 bagi negeri² Perak, Selangor, Negri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Trengganu dan Kelantan. Apa yang saya dapat faham beberapa orang yang menyampaikan ma'alumat kepada saya bahawa maseh banyak mereka² yang kerbau lembu-nya terlibat dalam banjir dalam bulan Januari, 1971 di-negeri Trengganu sa-hingga sekarang ini pun maseh belum menerima lagi ganti rugi daripada Kerajaan. Saya tidak faham, atau pun kurang faham kalau wang yang sa-banyak itu sudah pun di-belanjakan dan hari ini kita meminta supaya di-luluskan perbelanjaan yang telah di-jalankan itu, apakah sebab-nya ada di-antara orang² yang terlibat tadi belum lagi menerima kerbau lembu pada masa ini. Jadi saya merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat menjalankan penyiasatan untuk menchari sebab² kerana apa terjadi demikian?

Yang akhir sa-kali, saya hendak menyentuh mengenai Kepala 138 ia-itu Kementerian Kerja Raya di-mana kita menghendaki supaya Dewan ini meluluskan peruntukan tambahan ia-lah sa-banyak \$3,507,019 untuk membeli jentera² Kerja Raya bagi ranchangan² pembangunan di-dalam tanah ayer ini. Apa yang saya hendak merayu di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah saya nampak jentera² yang di-beli oleh Jabatan Kerja Raya, jentera² yang baharu, jentera² yang modern ini di-sediakan di-negeri² yang sudah pun maju. Sa-bagai satu chontoh, saya tengok negeri saya sendiri negeri Trengganu, soal jalan raya memang terkenal, pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, kalau ra'ayat Malaysia

atau pun pelawat² daripada luar negeri yang hendak melanchong ka-Pantai Timor apabila mereka menggunakan kenderaan selesai sahaja melalui negeri Pahang dan akan masok-lah sempadan negeri Trengganu, maka kalau pelanchong atau pelawat itu orang yang baharu datang kali yang pertama barangkali mereka pergi lebih kurang dalam $\frac{1}{4}$ batu mereka akan berhenti kereta-nya untuk melihat jentera atau pun apa alat² screw kereta-nya itu terchabut atau lain² kerana gegaran kereta-nya berlainan. Sa-masa kereta itu lalu di-jalan raya di-Pahang dengan apakala kereta itu lalu dalam sa-tengah batu masok ka-dalam negeri Trengganu. Dengan keadaan ini terus-menerus, Tuan Yang di-Pertua, sangat-lah sampai kepada sempadan hendak masok negeri Kelantan pula, tetapi apakala kenderaan tadi masok sempadan ka-negeri Kelantan di-kenal dengan nama Bukit Yong, sempadan antara Besut dengan Kelantan, maka kereta tadi akan hilang gegaran-nya.

Ini-lah kedudukan-nya, Tuan Yang di-Pertua, yang saya katakan, saya nampak jentera² moden, jentera² baharu yang di-beli oleh pehak Jabatan Kerja Raya di-letakkan di-negeri² yang agak jalan raya yang sudah elok atau lain²-nya begitu elok, tetapi bagi negeri yang patut di-tumpukan saperti Trengganu di-hantarkan-lah jentera² lama, jentera² yang sudah burok yang tidak begitu mustahak di-Selangor di-hantarkan di-Trengganu, yang tidak begitu mustahak di-Pahang di-hantar ka-Trengganu. Apabila kita bertanya pehak Kementerian ini mengatakan jentera² yang di-kehendaki itu sudah pun di-hantar. Betul di-hantar, tetapi yang di-hantar-nya yang sudah di-pakai. Yang baharu di-ganti di-Selangor dan yang sudah lama di-pakai di-Selangor ini di-hantarkan ka-Trengganu yang sudah lama di-pakai di-Pahang di-hantar ka-Trengganu. Jadi ini-lah keadaan² yang ada, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk memenohi kehendak bahawa ra'ayat negeri Trengganu juga ra'ayat Malaysia dan mereka juga membayar chukai sama saperti ra'ayat dalam negeri lain maka saya rasa bukan-nya tidak adil tetapi kurang adil bagi Kementerian ini kalau maseh meneruskan lagi kerja² yang saperti yang telah di-jalankan di-masa² yang lalu, tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya

menaruh penoh keyakinan kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang baharu yang sudah pun merasai sendiri bagaimana kelazatan atau pun keindahan jalan raya dalam negeri Trengganu waktu Yang Berhormat Menteri yang berkenaan melawat baharu² ini sudah tentu-lah atau pun saya penoh keyakinan sudah ada dalam kepala-nya bagaimana chara hendak mengatasi masaalah yang saya sebutkan tadi Chuma apa yang saya harap²kan dan ra'ayat Trengganu harap²kan sa-moga apa yang ada dalam kepala Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu dapat di-laksanakan dengan sa-chepat mungkin. Dan kalau ini dapat di-buktikan saya terlebih dahulu menguchapkan berbanyak² terima kaseh kepada Menteri yang berkenaan. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmurud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong permintaan peruntukan tambahan kepada Pembangunan dan satu tambahan yang saya nampak ia-lah kepada Kerajaan Trengganu sa-bagaimana yang di-sebutkan tadi ia-itu chara membuka tanah. Saya perchaya untuk membuka tanah ini tentu-lah dalam segi pertanian.

Dalam segi pertanian, Tuan Yang di-Pertua, saya memandang sangat mustahak-lah, kita memerhatikan, untuk mendapatkan barang² tanaman daripada hybrid ia-itu dari penyelidekan² tinggi supaya beneh² yang baik, betul dapat di-adakan di-negara kita. Kita ada berbagai² pusat penyelidekan dan kita ada juga memanggil pakar² luar negeri atau dalam negeri untuk menyelideki dengan sa-halus-nya bagi mendapatkan dari segi beneh² dan juga dari segi menggunakan barang² yang di-keluarkan oleh pertanian kita. Apa yang saya berasa patut kita mengambil perhatian ia-itu, hasil daripada penyelidekan dan sa-bagai-nya maka wajib-lah kita menjaga dengan baik supaya apa kepentingan negara kita tidak kita berikan kepada orang² luar negeri ini menggunakan.

Saya perhatikan ada badan² penyelidekan mengadakan convenshen² di-luar negeri menggunakan atau menyediakan kertas² kerja hasil, daripada penyelidekan dalam negeri kita di-bentangkan di-konvenshen² itu yang akan, saya perchaya, hasil² itu akan mengakibat menikam balek diri kita.

Sa-umpama-nya hasil² pertanian kita yang baik yang sa-patut-nya kita gunakan dalam negeri kita, sa-balek-nya di-beri peluang kepada negara² lain menggunakan sa-banyak-nya, yang mengakibatkan, kita akan kebelakangan atau pun merosot dari segi penjualan barang² kita.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, dari hasil pertanian ini, untuk pertanian juga, saya berasa berdukachita baharu² ini kita chuba hendak menanamkan kelapa sawit. Apa yang saya lihat ia-lah kalau hendak mendapatkan biji² kelapa sawit ini dari mereka² ia-itu badan² yang ada beneh² yang baik dalam negeri ini, tidak boleh membekalkan kepada negara ini untuk hendak di-tanam beneh² ini. Sa-balek-nya mereka² boleh menjualkan keluar negeri. Ini-lah kesulitan² yang saya tahu daripada pertanian² yang saperti kita jalankan dan akan kita jalankan. Oleh itu, saya rasa, sudah sampai masa-nya, bukan sahaja, biji² kelapa sawit ini di-ban, daripada di-hantar ka-luar negeri, tetapi beneh² lain juga, sa-umpama, beneh² biji getah yang saya tahu di-hantar ka-luar negeri harga mahal. Saya rasa, sa-belum kebenaran mereka ini menghantar ka-luar negeri, sa-patut-nya, mendapat kebenaran yang jelas daripada Kerajaan kita, mengelakkan, supaya keperluan negara dapat di-utamakan. Yang kedua, ada-lah dengan negara² lain menggunakan beneh² yang baik ini, akan mengakibatkan pasaran² pengeluaran kita akan kechewa kemudian kelak.

Bagitu juga pakar² kita yang membentangkan Kertas Kerja di-Convenshen² sa-telah sudah dapat kebenaran Kerajaan memben-tangkan hasil penyelidekan hendak-lah juga, sa-patut-nya mereka membuat kertas kerja, daripada hasil konvenshen ini akan di-lapor-kan balek kepada Kerajaan, untuk di-perhati-kan dengan sa-berapa rapi-nya. Pada masa yang lampau, saya tidak tahu, ada-kah Kerajaan mengambil perhatian dalam perkara ini, tetapi pada pendapat saya belum lagi ada di-jalankan. Sa-umpama-nya penyelidekan pakar² daripada Pusat Penyelidekan Getah, selalu mengadakan konvenshen² di-luar negeri dengan bebas-nya. Saya tidak tahu ada-kah mendapat perhatian Kerajaan yang berat dalam perkara ini.

Bagitu juga, saya rasa, dalam pem-bangunan ini, penyelidekan berkenaan dengan hasil barang² mentah kita ada-lah perlu. Kita sekarang ada menjalankan dengan

rapi-nya, patut-nya, segala rahsia penyelidikan itu, di-utamakan, supaya kita sendiri membuat perusahaan² ini. Saya tidak tahu apa yang telah jadi kepada pusat Penyelidikan Barang² Mentah kita di-luar negeri, seperti di-London, di-mana hasil daripada penyelidikan² itu dapat di-gunakan oleh badan² perusahaan di-negara lain seperti di-England dan hasil itu mereka mendapat dagangan yang besar dan dagangan itu dijual balek ka-negeri kita. Ini, saya rasa, satu perkara yang tidak patut terjadi lagi pada masa hadapan.

Saya harap sangat, pembangunan negara kita, sungguh pun kita mengadakan sa-berapa banyak wang untok memberi perkhidmatan dan sa-bagai-nya, tetapi sa-balek-nya kita patut menjaga, supaya perkara² ini, tidak di-gunakan oleh orang lain yang mana mereka tidak membelanjakan wang yang banyak dan mendapat hasil dengan perchuma sahaja, penyelidikan ini, untok kepentingan mereka. Dengan itu, saya sa-kali lagi memberi sokongan yang penoh dari segi peruntokan pembangunan yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untok menjawab sa-patah dua ucapan yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut dan Ahli Yang Berhormat dari Temerloh tadi. Sa-benar-nya Kementerian Pertanian dan Perikanan sedang menjalankan satu usaha yang besar bagi menyelenggarakan bantuan kepada kaum² nelayan kita sa-panjang Pantai Timor terutama-nya dan tidak juga ketinggalan di-Pantai Barat.

Saperti Yang Berhormat ma'alum dalam Dewan ini pada meshuarat yang sudah kita telah meluluskan tambahan peratoran berhubung dengan Persatuan² Nelayan yang sama bentok-nya dengan Persatuan Peladang. Yang demikian bantuan yang akan di-beri kepada nelayan² kita ada-lah berupa bantuan yang benar² dapat memberikan faedah kepada nelayan² ini menangkap ikan dengan sempurna dengan motobot dan juga jaring² yang sesuai dengan kehendak² nelayan itu. Dan Persatuan² Nelayan sekarang ini telah pun di-tubuhkan dan akan di-tubuhkan lagi di-beberapa tempat dan satu lembaga yang di-namakan Lembaga Maju Ikan juga telah di-bentok dengan di-Pengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan. Saya berharap ada-lah menjadi

tugas Kementerian ini menjalankan sa-daya upaya yang boleh bagi mengusahakan perubahan² tentang nasib kaum nelayan yang sama² kita ma'alum; ada-lah satu gulongan masharakat yang paling menderita sa-kali dalam tanah ayer kita ini.

Dalam usaha saya berjalan di-seluruh Malaysia ini sambil melawat Persatuan² Peladang juga tidak ketinggalan memerhatikan keadaan nelayan² kita yang benar² kita ketahui ada-lah menderita keadaan-nya. Tetapi Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum ada-lah telah menjadi tradisi kepada nelayan² ini sejak berpuluh² tahun yang lalu mendapat pinjaman wang daripada orang² tengah dan mereka terikat dengan tidak putus²-nya dan terikat juga dengan tidak dapat melepaskan diri daripada genggaman orang tengah ini di-sebabkan pinjaman² wang dan sa-bagai-nya. Ada-lah menjadi tugas utama kepada Lembaga Maju Ikan bagi membentok satu Persatuan² Nelayan dan persatuan² ini-lah di-harapkan bantuan wang sa-bagai pinjaman kepada persatuan² ini dapat membeli alat² menangkap sa-chara moden. Dan dengan itu di-harapkan pendapatan dari penangkapan ikan nelayan² ini akan bertambah banyak dan mereka dapat melepaskan diri daripada chengkaman orang² tengah.

Sa-lain daripada itu, lembaga ini juga bertanggung-jawab untok memasarkan ikan bersama² dengan FAMA dan dari tangkapan ikan yang di-perolehi itu dapat-lah Kerajaan menentukan pemasaran-nya dan harga² yang berpatutan yang sesuai dengan titek peloh dan beban berat yang di-pikul oleh kaum² nelayan kita mengharong lautan untok mendapat sa-suap nasi pagi dan petang.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal haiwan. Sa-benar-nya Kementerian ini dan Kerajaan kita khusus-nya bukan-lah memberi ganti-rugi kepada penternak² lembu dan kerbau yang telah hilang di-sebabkan banjir 1971 yang lalu. Apa yang sa-benar-nya ia-lah bantuan pemulehan yang di-berikan kepada penternak² lembu dan kerbau kita yang terlibat dalam banjir besar pada bulan Januari, 1971 yang lalu.

Wang peruntokan tambahan sa-banyak \$351,500 itu ada-lah di-beri kepada penternak² itu sa-bagai pemulehan dan negeri² terlibat boleh-lah saya sebutkan di-sini ia-lah

negeri² Perak, Selangor, Negri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Trengganu dan Kelantan. Jadi, saya rasa tidak-lah perlu saya mengulas panjang soal itu dan bantuan² pemuehan ini semua-nya telah pun di-berikan kepada pehak berkenaan.

Mengenai dengan Yang Berhormat dari Temerloh berhubung dengan pandangan dengan beliau susah bagi mendapat beneh kelapa sawit yang baik dan pehak pemodal² telah menjual beneh² yang baik keluar negeri. Barangkali Ahli Yang Berhormat itu tentu-lah ingat bahawa baharu² ini Kerajaan telah pun mengumumkan bahawa beneh² kelapa sawit ini ada-lah di-larang daripada di-jual dan di-bawa keluar negeri, kechuali mendapat keizinan yang tertentu daripada pehak Kerajaan.

Saya fikir tentu-lah Ahli Yang Berhormat itu berasa lapang sedikit dengan sebab beneh kelapa sawit sekarang ini ada-lah menjadi satu barang yang di-larang di-bawa keluar negeri. Dan kita harap usaha² yang di-kelola-kan oleh Yang Berhormat itu sa-bagai Yang di-Pertua Sharikat Pekebun² Kechil dalam negara kita ini dapat berjalan dengan baik dan dapat membantu Kerajaan dalam pembangunan negara kita dalam Ranchangan Malaysia Kedua ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa menurut Peratoran 67C usul dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1971, di-serahkan kepada Jawatan-kuasa sa-sabua Majlis.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Kepala 103—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$645,100 untuk Kepala 103 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1971.

Kepala 105—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$50,000 untuk Kepala 105 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1971.

Kepala 113—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala 113 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1971.

Kepala 117—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$1,500,000 untuk Kepala 117 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1971.

Kepala 118—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$512,700 untuk Kepala 118 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1971.

Kepala 129—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala 129 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1971.

Kepala 130—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$675,000 untuk Kepala 130 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1971.

Kepala 138—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$3,507,019 untuk Kepala 138 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1971.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan ia-itu satu jumlah wang tambahan sa-banyak tidak lebih daripada \$6,889,839 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan 1971, dan bagi maksud kepala dan pechahan²-kepala perbelanjaan tersebut di-ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 15 tahun 1972, di-untokkan jumlah yang tersebut setentang dengan kepala² dan pechahan-kepala² di-ruangan lapan dan sembilan senarai itu.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mema'alomkan ia-itu Jawatan-kuasa telah menimbang Usul yang di-edarkan kapada-nya dan bersetuju dengan Usul itu. Sa-terus-nya saya men-chadangkan supaya ia-nya di-setujukan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Di-putuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan ia-itu satu jumlah wang tambahan sa-banyak tidak lebih daripada \$6,889,839 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun Kewangan 1971, dan bagi maksud kepala² dan pechahan²-kepala perbelanjaan tersebut di-ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 15 tahun 1972, di-untokkan jumlah yang tersebut sa-tentang dengan kepala² dan pechahan²-kepala di-ruangan lapan dan sembilan senarai itu.

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan :

Bahawa menurut Peratoran Meshuarat 67c Usul yang berikut ia-lah di-serahkan kapada Jawatan-kuasa sa-sabuah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan ia-itu satu jumlah wang tambahan sa-banyak tidak lebih daripada \$102,063,341 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan 1972, dan bagi maksud kepala dan pechahan²-

kepala perbelanjaan tersebut di-ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 17 tahun 1972, di-untokkan jumlah yang tersebut sa-tentang dengan kepala dan pechahan-kepala di-ruangan lapan dan sembilan senarai itu.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1972 yang di-bentangkan dalam Dewan ini sa-bagai Kertas Perintah Bil. 17 tahun 1972 menunjokkan perbelanjaan tambahan sa-banyak \$102,063,341 ia-itu tambahan kapada peruntokan yang telah di-luluskan bagi tahun 1972. Dari jumlah ini, peruntokan sa-banyak \$8,167,876 telah di-dahulukan daripada Wang Simpanan Luar Jangka yang di-tunjokkan di-bawah kepala P. 60 dalam Anggaran Pembangunan. Oleh itu ada-lah perlu untuk di-ganti peruntokan tersebut dengan anggaran tambahan.

Oleh kerana penyusunan sa-mula tugas² beberapa Kementerian dan penubuhan dua Kementerian baharu pada awal bulan Januari tahun ini, maka mustahak-lah di-buat pindaan dan pertukaran peruntokan di-bawah beberapa pechahan-kepala dalam Anggaran Pembangunan 1972 mengikut tugas Kementerian masing². Peruntokan baru kena di-sediakan bagi pechahan²-kepala tersebut dalam anggaran Kementerian² yang baharu dan jumlah yang sama akan di-bekukan di-bawah Kementerian² yang lama. Peruntokan yang terlibat berikutan dengan perubahan² ini berjumlah \$73,712,260 saperti berikut:

- (a) \$3,260,610 dari Kepala P. 14—Kementerian Perdagangan dan Perusahaan kapada Kepala P. 57—Kementerian Kerja Raya dan Tenaga. Jumlah ini menunjukkan pechahan²-kepala yang berkaitan dengan ranchangan² letrik;
- (b) \$65,660,010 dari Kepala P. 14—Kementerian Perdagangan dan Perusahaan kapada Kementerian baru Kepala P. 61—Kementerian Perusahaan Utama. Jumlah ini menunjukkan pechahan²-kepala berkaitan dengan perusahaan² utama;
- (c) \$3,059,640 yang di-sediakan bagi pechahan²-kepala berkaitan dengan Perhutanan, Penyiasatan Kajibumi dan Ukor yang dahulu-nya di-bawah Kepala

P. 13—Kementerian Pertanian dan Perikanan tetapi sekarang di-tunjukkan di-bawah Kementerian Perusahaan Utama yang baru; dan

- (d) \$1,732,000 bagi Kepala Perbelanjaan baru P. 63—Jabatan Hal Ehwal Orang Asli oleh kerana Jabatan ini dahulu-nya di-bawah Kementerian Pertanian dan Perikanan tetapi sekarang telah di-tukarkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Oleh itu jumlah sa-banyak \$1,732,000 yang di-sediakan bagi pechahan²-kepala di-bawah Hal Ehwal Orang² Asli di-Kementerian dahulu, sekarang di-tukarkan kepada Kepala baru P. 63—Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat perhatikan bahawa dari jumlah sa-banyak \$102,063,341 yang di-perlukan dalam tambahan ini, peruntukan sa-banyak \$73,712,260 merupakan pemindahan peruntukan dari satu kepala perbelanjaan kepada kepala perbelanjaan yang lain. Oleh itu peruntukan tambahan yang sa-benar-nya di-perlukan dalam Anggaran Tambahan ini ia-lah sa-banyak \$28,351,081, seperti berikut:

- (a) Kepala P. 14—Kementerian Perdagangan dan Perusahaan—peruntukan sa-banyak \$20 juta untuk pinjaman kepada Sharikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF) untuk membolehkan Sharikat tersebut melayan permintaan² yang makin bertambah untuk mendapat pinjaman bagi berbagai² perusahaan di-negeri ini;
- (b) Kepala P. 61—Kementerian Perusahaan Utama—peruntukan tambahan sa-banyak \$6,010,876, yang mana \$6 juta ada-lah di-kehendaki sa-bagai pinjaman kepada Sharikat Kilang Nenas Malaya bagi Kilang-nya yang Kedua di-Pontian, Johor, dan sa-banyak \$10,876 lagi untuk membeli sa-keping tanah bagi Chawangan Pejabat Penyiasatan Kaji-bumi di-Alor Star;
- (c) Kepala P. 40—Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan—peruntukan sa-banyak \$1,207,000 yang mana \$900,000 untuk membeli bangunan² daripada Sharikat Kawasan² Perumahan Malaysia Berhad (MIEL) di-Shah Alam dan juga bagi membuat sekatan² pejabat di-bangunan itu bagi Pusat Penyelidikan Sains dan

Perusahaan Negara (NISIR); \$157,000 bagi membayar harga mesin² dan lain² perbelanjaan yang tidak dapat di-elakkan oleh Pusat Piawaian Malaysia (SIM); dan \$150,000 untuk pinjaman kepada Kerajaan Negeri Melaka bagi pembenaan bilek² tambahan kepada Rest House Melaka;

- (d) Kepala P. 7—Perdana Menteri—peruntukan sa-banyak \$863,175, yang mana \$500,000 di-kehendaki sa-bagai sumbangan dari Kerajaan Persekutuan kepada Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara untuk perbelanjaan mengurus Lembaga tersebut bagi tahun 1972 dan \$363,175 untuk bayaran² kontrek bagi pembenaan gudang beras di-Johor Bahru;
- (e) Kepala P. 57—Kementerian Kerja Raya dan Tenaga—peruntukan sa-banyak \$270,000 sa-bagai tambahan kepada peruntukan \$3,260,610 yang telah di-pindahkan dari Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Jumlah sa-banyak \$270,000 ini ia-lah untuk membayar harga memperbaiki Istana Negara; dan
- (f) Kepala P. 56—Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am—tiga peruntukan tanda sa-banyak \$10 tiap² satu dengan tujuan meminda jumlah anggaran harga projek² yang mana peruntukan² boleh di-dapati dari lain² pechahan-kepala.

Keterangan² lanjut ada di-nyatakan dalam Memorandum Perbendaharaan yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 18 tahun 1972.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong usul ini, saya suka berchakap dalam dua tiga perkara. Pertama, sa-bagaimana yang kita ketahui Islam ada-lah ugama rasmi negara dan terchatit dalam Perlembagaan, dan keperchayaan kepada Tuhan ada-lah mendudoki tempat yang pertama dalam susunan Rukunegara.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak berapa dengar, sila berchakap kuat sedikit.

Wan Mokhtar bin Ahmad: Keperchayaan kapada Tuhan ada-lah di-beri tempat yang utama dan terchatit dalam Perlembagaan serta di-jadikan salah satu susunan dalam Rukunegara. Tetapi kalau kita tinjau di-Jabatan² Kerajaan dan Kementerian², sa-tengah²-nya tidak terdapat tempat² dan kemudahan² untuk menunaikan fardhu sembahyang, kechuali di-satengah² Kementerian seperti Angkasapuri, di-Parlimen, sementara yang lain tidak terdapat kemudahan² sa-umpama itu. Saya perchaya sa-tengah² pegawai Kerajaan dan kakitangan-nya yang tinggal jauh dari tempat kerja mereka ada-lah menjadi kesukaran kapada-nya untuk pulang pada tengah hari dan terpaksa-lah makan dan minum dan menunaikan fardhu zuhur di-pejabat-nya. Oleh itu, berdasarkan kapada keutamaan dan kedudukan agama Islam yang di-beri oleh Perlembagaan negara kita ini saya mengshorkan supaya Kerajaan membuat satu dasar bagi semua Kementerian² dan Jabatan² Kerajaan hendak-lah di-adakan, di-khaskan satu tempat untuk kemudahan pegawai² dan kakitangan Kerajaan yang beragama Islam menunaikan kewajipan masing² terutama di-bangunan² yang baharu yang akan di-dirikan.

Soal yang kedua, mengenai MIDF. Pada masa yang telah lalu, kita dapati kurang benar sharikat² bumiputra yang berpeluang mendapat pinjaman daripada sharikat ini. Ini ia-lah di-sebabkan oleh beberapa sebab. Yang pertama, ada-nya sharikat ini untuk memberi pinjaman untuk kemajuan perusahaan tidak-lah begitu jelas bagi sa-tengah sharikat² bumiputra.

Yang kedua, kalau pun ada yang memohon, tetapi pernah di-tolak oleh kerana tidak ada satu² kertas kerja yang lengkap, yang menyokong permohonan itu. Tetapi pada masa² yang akhir ini keadaan-nya telah berubah dan ada di-dapati sharikat² bumiputra yang telah dapat pinjaman dari sharikat tersebut. Memandang kapada kurang-nya pengalaman sharikat² bumiputra dalam menyediakan satu² kertas kerja bagi menyokong satu² permohonan untuk mendapatkan pinjaman ini, saya berharap kapada Bahagian Khidmat Penasehat MARA dapat sama² memberi kerjasama kapada satu² sharikat bumiputra yang memohon pinjaman dari sharikat tersebut.

Soal yang ketiga dan yang akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana kita

tahu negara kita ada-lah sa-buah negara yang banyak mengeluarkan hasil kayu kayan dan dari hasil kayu kayan ini, sama ada di-eksepot ka-luar negeri, atau pun di-proses di-kilang² papan dalam negara ini. Apa yang saya dapati kita banyak kekurangan pegawai² yang mahir dari segi kehutanan ini terutama ia-itu yang menjadi Pemerengkat Kayu atau pun Timber Grader terutama sa-kali anak² bumiputra. Kekurangan ini ternyata benar bila saya dapati sa-orang Timber Grader bekerja di-dua atau tiga buah kilang pada satu masa. Oleh itu, saya berharap kapada pehak Kerajaan memberi perhatian berat dan mengambil sa-berapa ramai belia² negara ini untuk di-beri latihan dalam bidang tersebut dan bidang² yang bersangkutan dengan-nya dan kalau perlu Maktab Perhutanan yang ada sekarang ini hendak-lah di-perbesarkan bagi menampung kehendak² dan keperluan negara.

Menyentuh soal bekalan letrik ka-luar bandar yang begitu hebat di-perdebatkan dalam persidangan yang telah lalu, saya berharap pehak Kementerian juga akan mengulang kaji peruntukan-nya dan memberi serta membekalkan letrik luar bandar ini di-daerah² sa-kurang²-nya dua batu persegi dalam satu² daerah supaya dapat-lah penduduk² di-sekitar-nya yang menggunakan kuasa letrik itu bagi kegunaan perusahaan² kecil. Saya menyokong usul ini.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Dato' Yang di-Pertua, saya hendak menegor sedikit sahaja dalam peruntukan anggaran yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri ia-itu berkenaan dengan wang² yang di-beri oleh Kerajaan kapada Lembaga atau pun Badan yang berkanun.

Wang itu banyak di-serahkan kapada Badan² Berkanun untuk menjalankan perusahaan² dalam Badan² Berkanun itu. Apa yang saya hendak tegor ia-lah wang ini selalu di-simpan dalam bank² bukan daripada bank negara ini. Sa-patut-nya wang² ini hendak-lah di-simpan dalam bank ia-itu yang di-punyai oleh warganegara kita. Saya ada juga dudok dalam badan² ini, selalu juga menyuarakan tetapi saya selalu di-kalahkan suara. Apa yang saya berkehendak supaya dapat Kerajaan mengarahkan Badan² Berkanun ini apabila mendapat wang ini di-simpan fixed deposit-nya dalam

bank² yang di-punyaï oleh warganegara ini. Saya tidak tahu apa yang terjadi pada satu perkara yang saya telah minta supaya Badan ini menyimpan wang ini dalam bank warga-negara kita. Apa yang di-jawab-nya, saya bachakan, Dato' Yang di-Pertua :

"As you know, the bulk of the Provident Fund monies are invested in securities and the balance in fixed deposit. The securities have been all along lodged with the Chartered Bank for safe custody. Likewise, the fixed deposit in the Provident Fund account is invested in the Bank. Additionally part of the securities bought in the years gone by are sterling securities in London and collection of periodic interest payment from these securities is greatly facilitated by the fact that the Chartered Bank has its headquarters in London".

Jadi nampak-nya cherita yang lama² itu tidak boleh di-aleh. Jadi kiblat-nya ka-London sahaja, tidak boleh hendak di-aleh ka-negeri kita. Saya menyuarakan perkara ini kerana tidak dapat hendak di-dalankan, dan saya akan bersuara dalam perkara ini. Dengan ini, saya berharap Kerajaan akan mengarahkan segala Badan² Berkanun dalam negeri ini mesti-lah menyimpan wang fixed deposit-nya dalam bank² yang di-punyaï oleh negara kita. Terima kaseh.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong usul ini, yang pertama saya ingin menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menyedari tentang perlu-nya kedudukan Jema'ah Menteri di-susun kembali dan di-dalam penyusunan yang telah di-buat, ada dua tiga Kementerian baharu telah ditubuhkan dan di-antara-nya termasuk-lah Kementerian Perusahaan Utama yang mengambil alih beberapa perkara daripada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan.

Saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, sa-telah Kementerian Perusahaan Utama ini di-tubuhkan dan hasil² yang penting hasil² utama dalam negara kita ini di-pertugaskan kepada Kementerian ini. Antara perkara yang saya nampak tanda² baik-nya ia-lah mengenai usaha Kementerian ini dalam perkara meninggikan atau pun menaikkan harga getah. Dengan sebab itu di-dalam Dewan yang mulia ini saya menguchapkan sa-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang

walau pun baharu memegang Kementerian ini tetapi telah berjaya dalam usaha memenohi kehendak pekebun² kecil dalam negara ini yang sejak sa'at² akhir ini telah mengalami kehidupan yang begitu terok berikutan dengan kejatohan harga getah. Apa yang saya ingin menyampaikan hasrat gulongan pekebun² kecil dalam negara kita ini, bahawa walau pun sudah berkali² di-nyatakan oleh pehak yang berkenaan tentang chukai cess kalau di-kurang atau pun kalau di-hapuskan, itu tidak boleh meninggikan harga getah, tetapi apa yang saya hendak tegaskan di-sini sa-kali sa-kala saya fikir pehak yang berkenaan perlu membuat kajian sa-chara lebeh mendalam berkenaan dengan chukai cess ini kerana apa yang kita lihat sekarang ini, saya melihat dalam negeri Trengganu dan Kelantan di-sebabkan Kerajaan yang berjiran dengan kita ia-itu Kerajaan Thailand apabila kedudukan harga getah begitu jatoh maka tidak di-kenakan-nya chukai cess. Apabila chukai cess ini tidak di-kenakan, Tuan Yang di-Pertua, maka ramai atau boleh di-katakan 99% daripada pelesen² getah yang ada dalam kawasan Besut dan Kelantan seluroh-nya menjual getah² ini ka-Thailand. Saya fikir ini lagi merugikan hasil negara kita kerana mereka menjual dengan chara menyeludup dan Kerajaan tidak mendapat apa² hasil walau pun perkara ini kepada pehak yang berkenaan mengatakan sa-chara tidak langsung ini satu keuntungan kepada pekebun² kecil kerana dengan sebab ada-nya satu tempat yang boleh beli dengan harga yang agak lebeh tinggi maka dapat-lah harga tinggi sedikit kepada pekebun² kecil ini.

Tetapi saya fikir chara yang saperti itu kita membiarkan ra'ayat negeri ini menyeludupkan barang² kita dengan chara yang saperti itu, satu chara yang agak kurang elok. Sebab itu-lah saya fikir dan saya ingin nyatakan di-sini dengan keperchayaan penoh kepada Menteri yang menjalankan tugas di-Kementerian Perusahaan Utama ini sa-bagai sa-orang Menteri yang boleh mengendalikan perkara itu, saya merayu bersungguh² supaya di-kaji perkara ini dengan chara yang mendalam sambil melaksanakan ranchangan² yang sedang di-susun sekarang ini untuk menaikkan harga getah ini.

Perkara yang akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan bekalan letrik untuk luar bandar yang di-letakkan kepada Kementerian Tenaga. Ini

pun ada-lah merupakan Kementerian baharu hasil daripada penyusunan yang telah dibuat. Saya pernah mendengar jaminan² yang pernah di-beri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di-dalam perjumpaan dengan Ketua² Jabatan supaya bekalan letrik untuk luar bandar hendak-lah diperhebatkan, hendak-lah di-beri suatu perhatian yang berat kerana ini ada-lah merupakan suatu perkara yang boleh membangunkan sa-suatu kawasan yang kurang maju. Tetapi apakala selesai kita mendengar arahan atau pun penegasan yang di-beri oleh Perdana Menteri, kita pun berunding-lah dengan pegawai² yang di-pertanggungjawabkan dengan bekalan letrik ini. Apabila perundingan di-adakan dengan pegawai² yang berkenaan, maka soal yang mula² di-kemukakan oleh pegawai² ini kepada wakil² ra'ayat termasuk-lah saya sendiri yang telah berunding, timbul soal ekonomik atau tidak ekonomik-nya satu² ranchangan itu hendak di-jalankan. Erti-nya di-hadapan pegawai² itu, di-hadapan Lembaga Letrik Negara ini sama ada Pengerusi-nya atau pun pegawai²-nya, maseh tebal perasaan mahu menchari keuntungan di-dalam melaksanakan ranchangan letrik di-kawasan luar bandar. Kalau di-dalam pelaksanaan bekalan letrik bagi penduduk² di-luar bandar ini soal keuntungan di-letakkan di-hadapan dalam pemikiran-nya, saya perchaya tidak sampai 40% daripada kawasan² luar bandar yang ada di-seluruh Malaysia ini yang boleh dikatakan ekonomik di-dalam pemberian bekalan letrik, kerana ma'alom-lah di-kawasan luar bandar bukan-nya rumah ber-sesak² saperti dalam bandar. Dalam bandar rumah²-nya banyak, berhampiran, senang sahaja di-beri bekalan dan ini tentu-lah mendapat keuntungan. Kalau ini menjadi tujuan utama sekarang ini kepada Kementerian ini atau kepada Lembaga Letrik saya fikir sudah tentu tujuan hendak menarek kalangan swasta supaya membuka kilang² di-luar bandar sa-bagai satu asas utama di-dalam dasar ekonomi baru kita tidak akan terlaksana.

Satu chontoh, Tuan Yang di-Pertua, di-kawasan saya Besut telah di-sediakan satu kawasan sa-luas kira² 300 ekar luas-nya untuk kawasan perusahaan. Kalau kita lihat dalam plan, chukup elok tanah-nya berpasir, tidak lechah, jalan raya-nya sudah ada, lapangan terbang walau pun lapangan terbang untuk peperangan, tetapi

lapangan terbang juga-lah, ada-lah hampir di-situ laut-nya tidak begitu jauh, tetapi bukan pelabohan. Apabila kita bawa kalangan² swasta melihat kawasan ini, mereka tersenyum kerana elok tempat-nya. Tetapi bila di-tanya, susah kita hendak menjawab. Dia tanya, tengok atas, tengok bawah, dia pun bertanya, ada bekalan letrik? Benda ini ta'payah kita jawab, fasal benda itu terang—ta'ada. Bila dia melihat ta' ada bekalan letrik dan di-fikirkan chara hendak memasukkan bekalan letrik ini begitu jauh, Tuan Yang di-Pertua, maka dia pun bertanya-lah kapada kita yang membawa kalangan swasta ini. Berapa lama agak-nya bekalan letrik ini dapat di-masokkan ka-sini? Kami telah pun beritahu bahawa rundingan sudah di-adakan, surat-menyurat sudah pun di-buat dengan pehak yang berkenaan. Kita pun tunjukkan pehak yang berkenaan menjawab ta' ekonomik. Pehak kalangan swasta mengatakan kalau Kerajaan sendiri hendak memasukkan bekalan letrik ka-kawasan perusahaan yang telah di-sediakan, tiba² pehak yang berkenaan menjawab ta'ekonomik, jadi bagaimana kalangan swasta sanggup membuka satu kilang di-kawasan perusahaan yang di-fikirkan ta'ekonomik dalam bekalan letrik. Jadi ini-lah yang saya fikir dan saya merayu sunggoh² kapada Menteri yang berkenaan supaya memberi suatu perhatian yang berat dan soal ekonomik tidak ekonomik ini patut di-kikis daripada kamus, atau pun patut di-kikis daripada fail² yang ada dalam Kementerian Kerja Raya dan Tenaga yang baharu ini. Sebab apa yang saya faham, tujuan di-tubuhkan Kementerian yang baharu ini di-beri nama-nya Kementerian Kerja Raya dan Tenaga ini ia-lah supaya dapat di-susun suatu tenaga yang baharu sesuai dengan orang baharu yang mengendalikan Kementerian ini. Jadi saya berkeyakinan sa-bagai orang baharu, mengendalikan Kementerian ini, tentu-lah ada fikiran² baharu, dan fikiran² baharu yang saya maksudkan ini ia-lah ketepikan soal ekonomik tidak ekonomik di-dalam pemberian bekalan letrik kapada ra'ayat di-luar bandar. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong dengan sa-penoh²-nya di-atas perkara ini. Ra'ayat di-kampung ada-lah memandang berat di-atas perkara ini oleh kerana jikalau

tidak ada duit, ta' ada wang maka perbelanjaan tentu-lah tidak boleh ada bagi pembangunan² yang besar. Dengan sebab itu pembangunan² ini berkehendakkan wang. Maka dengan sebab itu wang tambahan ini ada-lah di-sokong dengan sa-penoh-nya, tetapi apa ra'ayat di-kampung memikirkan. Pembangunan² banyak. Ada-kah pembangunan² ini, Tuan Yang di-Pertua, akan menambahkan hasil-mahsul ra'ayat di-kampung². Di-dalam tempoh Lima Tahun Yang Kedua ini dalam Rancangan Pembangunan ini, mengikut fikiran ra'ayat—ini bukan daripada saya, oleh kerana apabila kita melawat kampung, di-tanya oleh ra'ayat—boleh-kah kerja² yang di-buat oleh Kerajaan dapat di-tampung oleh ra'ayat, oleh kerana kebanyakan daripada kerja² ini mithal-nya kerja² untuk yang besar² ada-lah di-berikan kepada orang² atau pun kontrektor² daripada luar negeri? Dan juga saya dengar sa-malam, ia-itu ada satu kerja ia-itu pembenaan jalan mungkin daripada Tanjong Malim ka-Slim River atau pun Tanjong Malim ka-Rawang. Ini pakar yang di-ambil untuk membuat kerja ini ia-itu orang puteh juga. Jangka-nya orang Malaysia ini, kalau ta' ada bumiputra pun, orang Malaysia yang ada berkelayakan untuk membuat jalan ini, untuk merekakan bentuk jalan ini, tetapi di-ambil juga orang puteh daripada luar negeri. Jadi ra'ayat negeri ini memikirkan, Rancangan Pembangunan Lima Tahun Kedua ini keuntungan yang ada sedikit² ini masuk ka-poket bangsa asing juga. Di-sini juga ra'ayat memikirkan di-kampung²—ini bukan daripada saya, tetapi mereka bertanya, saya pun menjawab-lah kepada orang² itu. Bagaimana gaya-nya, ada-kah keuntungan² ini akan di-dapati oleh orang² kampung? Saya katakan, kalau orang² kampung terutama-nya bumiputra kalau hanya berpelok tuboh sahaja, tentu-lah ta' dapat menchapai apa². Mesti-lah di-rebut peluang² ini. Apa yang Kerajaan buat, mesti-lah di-rebut peluang ini. Tetapi di-sini, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rancangan letrik ini, jika mithal-nya kapal² korek (dredges) orang² Inggeris, Amerika, Perancis dan sa-bagai-nya, walau pun di-hulu² letak-nya, letrik mesti sampai, letrik mesti di-beri. Tetapi sampai hari ini sudah 15 tahun kita merdeka, sunggoh pun kita memberi letrik dengan chara beransor²—belum dapat lagi kita memenohkan permohonan² ra'ayat di-kampung². Tetapi chuba, mithal-nya ada sahaja tanah lombong

yang di-dapati oleh orang² bangsa asing, tentu mendapat letrik. Orang² kampung berasa hairan. Macham mana tokeh itu boleh dapat? Kami jawab, kerana Kerajaan atau L.L.N. mendapat hasil yang banyak. Sebab itu-lah di-adakan letrik di-sana. Itu-lah sahaja yang kita hendak jawab. Jadi ra'ayat di-kampung² memikirkan, oleh kerana dapat hasil, maka di-adakan bekalan letrik, tetapi kami penduduk² bumiputra di-tanah ayernya sendiri, kerana ta' dapat mendatangkan keuntungan besar, ta' dapat di-laksanakan lekas bekalan letrik ini.

Saya berharap terutama sa-kali kepada L.L.N., oleh kerana L.L.N. ini sa-tengah² orang mengatakan ada-lah Pejabat Kerajaan, sa-tengah-nya mengatakan sa-tengah Kerajaan—perebet, jadi walau bagaimana pun L.L.N. ini mendapat keuntungan yang chukop banyak. Maka apa-lah salah-nya di-beri sedikit keuntungan dan di-masokkan letrik. Ta' usah dia pandang memandang, oleh kerana Kerajaan ada mempunyai rancangan² yang lebeh banyak lagi. Apa salah-nya L.L.N. ini menolong kepada Kerajaan supaya mengadakan letrik di-kampung².

Baharu² ini saya ada mendengar sama ada betul atau pun tidak, tetapi hendak-lah di-siasat ia-itu membeli enjin letrik ini mesti-lah di-dengar, terutama sa-kali kepada pakar² jurutera² ini sama ada Jawatan-kuasa Tender atau pun sa-bagai-nya ini kalau pun barang daripada Jerman, Itali, Jepun atau pun dari Amerika ada-lah bagus, maka soal bagus atau pun ta' bagus ini, saya fikir pakar², jurutera² kita terpaksa-lah menentukan-nya, ta' usah-lah yang lain menentukan-nya, ia-itu Jawatan-kuasa yang ta' tahu berkenaan dengan meshen ini menentukan-nya. Jadi itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong saratus peratus di-atas perkara ini.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id: Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong peruntukan atau pun permohonan sa-banyak \$102,063,341 bagi Kementerian yang berkenaan.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menarek perhatian kepada pehak yang berkenaan, berkenaan dengan rancangan² pembangunan ini patut-lah di-utamakan kepada rancangan² yang akan mendatangkan faedah kepada ra'ayat bagi menambahkan mata pencharian mereka. Saya berharap apa

juga ranchangan yang akan di-ranchangkan, atau di-jalankan patut-lah di-timbangan supaya di-berikan keutamaan kapada ranchangan² yang sa-macham ini.

Yang kedua, Dato' Yang di-Pertua, berkenaan dengan wang² Kerajaan. Saya dapati banyak di-antara wang² Kerajaan ini di-belanjakan untuk membayar sewa Pejabat², Kementerian² dan Pejabat² Kerajaan. Jikalau kita kajikan wang ini, saya ingat, pada tiap² tahun banyak wang yang kita belanjakan untuk membayar sewa kapada tuan² punya bangunan itu. Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kerajaan akan menimbangkan supaya Kerajaan sendiri akan membena beberapa banyak bangunan² untuk menempatkan

Jabatan² Kerajaan dan mengelakkan daripada membayar wang kapada orang² yang menyewakan tempat² atau bangunan² itu. Dengan ini, kita dapat menyelamatkan wang kita dan dapat kita belanjakan kapada perkara² yang akan mendatangkan faedah yang lebih kapada negara kita.

Dato' Yang di-Pertua, saya berchakap di-atas Perkara P. 14 (2), ia-itu Sharikat Permodalan Kemajuan

Tuan Yang di-Pertua: Majlis Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang, 19hb Mei, 1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.